

قتین تیتہ

PETIKAN TITAH

"SEHUBUNGAN itu, telah mendorong beta untuk tidak jemu-jemu menasihati, supaya semua lapisan masyarakat di negara ini melazimkan diri membaca Al-Quran, dalam makna, kita dituntut supaya sama-sama menghiasi rumah-rumah kita dengan cahaya Al-Quran. Biarlah Al-Quran itu terus menyinar dan memberkati segala aktiviti kita".
- Titah Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 2020.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

قلیبروئی

مانیسش ایمان

MANISNYA IMAN

"DAN Kami turunkan daripada Al-Quran suatu penawar (bagi penyakit rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan Al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim (orang-orang kafir), selain kerugian".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Israa, ayat 82.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 19

12 FEBRUARI 2020 / 1441 جمادی الآخر 18

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn

Berita Utama



IRAN - Brunei terus perkukuh dalam bidang sains, ekonomi Muka 5



PROAKTIF menyebarkan ilmu ibadah haji Muka 7



MoU bidang penjagaan kesihatan gigi dimeterai Muka 8



Didik belia mesra rumah Allah Muka 22

Perutusan tahniah sempena Hari Kebangsaan Republik Islam Iran

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Dr. Hassan Rouhani dan kerajaan serta rakyat Republik Islam Iran bersempena dengan Hari Kebangsaan Republik Islam Iran.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Dr. Hassan Rouhani dan kerajaan serta rakyat Republik Islam Iran bersempena dengan Hari Kebangsaan Republik Islam Iran.



Berangkat rasmi Shell V-Power

Oleh : Khartini Hamir Foto : Masri Osman

JERUDONG, Isnin, 10 Februari. - Shell V-Power tidak akan menggantikan mana-mana produk yang sudah ada di stesen runcit, malah Shell V-Power Petrol dan Diesel akan menjadi dua bahan api tambahan kepada kepelbagaian produk yang sedia ada bagi menawarkan lebih banyak pilihan kepada para pelanggan. Harga bahan bakar V-Power pula akan dikaji semula secara tetap untuk memastikan ia tetap berdaya saing di rantau ini dan ketika ia mulai dijual minggu ini, Shell V-Power Petrol dan Diesel akan dijual pada harga 82 sen seliter.

Bahan api tersebut akan dijual kepada orang ramai di 14 stesen terpilih di seluruh negara mulai Ahad ini, 16 Februari 2020. Pengarah Urusan Brunei Shell Marketing (BSM), Awang Muhammad Norshafiee bin Dato Paduka Haji Abdul Jalil mengumumkan perkara tersebut

dalam sembah alu-aluannya di Majlis Pelancaran Shell V-Power yang berlangsung di The Empire Brunei, pagi tadi.

Berangkat merasmikan pelancarannya, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat BSM.

Menjunjung keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Tenaga, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien; dan Pengarah Urusan BSM.

Ke muka 3

Tiada kes jangkitan 2019-nCoV dikesan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Februari. - Berikutan dengan Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan yang dikeluarkan pada 30 Januari 2020 mengenai status jangkitan Coronavirus Baharu (2019-nCoV), Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa setakat ini, tidak ada kes jangkitan pernafasan akut teruk yang berkaitan dengan jangkitan 2019-nCoV dikesan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang berkepentingan akan sentiasa memastikan tahap kesiapsiagaan yang tinggi untuk memastikan respons terhadap jangkitan 2019-nCoV dilaksanakan dengan cepat dan sempurna.

Ke muka 6

Bersama tangani isu kebersihan

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

KITA bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat hadir di perjumpaan dengan Ahli - Ahli Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria dan Tutong. Alhamdulillah, kita masih berada di bulan Rabiulawal dan baru meraikan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Bagi Tahun 1441 Hijrah pada hari Sabtu, 9 November 2019. Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah teladan yang paling baik untuk dicontohi, di mana kredibiliti Baginda selaku pemimpin menjadi ikutan para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda. Dan semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan terus melimpahkan taufik dan hidayah-Nya kepada kita semua dan Ahli - Ahli Lembaga Bandaran, memberkati perbincangan kita pada pagi ini.

Saya sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Ahli - Ahli Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria dan Ahli-Ahli Lembaga Bandaran Tutong di atas kurnia perkenan lantikan sebagai Ahli-Ahli Lembaga Bandaran bagi tempoh dua tahun mulai 1 September 2019. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Lembaga Bandaran tahun 2017 / 2019 di atas sumbangan yang telah mereka berikan. Semoga sambutan bakti akan mendapat balasan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Lantikan ini adalah merupakan suatu pengiktirafan di atas kewibawaan Yang Berhormat / Yang Mulia Pengiran / Dato / Tuan-Tuan dan Puan-Puan dalam bidang masing-masing. Adalah diharapkan dengan pengetahuan, pengalaman dan pandangan jauh, Ahli-Ahli Lembaga Bandaran akan dapat memberikan sumbangan yang berharga dan positif kepada Lembaga Bandaran masing-masing. Lantikan ini juga adalah suatu amanah yang perlu dipikul dengan penuh tanggungjawab. Oleh yang demikian, saya mengharapkan pengerusi dan ahli-ahli tidak hanya akan terikat untuk menyampaikan pandangan dan cadangan semasa persidangan / Mesyuarat Lembaga atau dihadkan dengan batas waktu, tetapi ahli-ahli adalah digalakkan untuk menyampaikan pandangan dan cadangan pada bila-bila masa yang bersesuaian.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa berucap pada Majlis Muzakarah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Dengan Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria dan Tutong Bagi Tahun 2019 - 2020 dan 2020 - 2021 pada Selasa, 22 Rabiulawal 1441H / 19 November 2019M di Bilik Mesyuarat Tingkat 4, Bangunan Baharu Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Saya percaya dengan pengetahuan dan pengalaman luas ahli - ahli, terutama melihat dan menyaksikan perkembangan dan kemajuan bandar raya dan bandar-bandar di luar negara, ahli-ahli akan dapat mempelajari amalan-amalan terbaik yang dapat digunakan bagi meningkatkan lagi perkembangan dan kemajuan Lembaga-Lembaga Bandaran di negara ini. Malah kita perlu juga meneroka inisiatif-inisiatif sendiri berasaskan keadaan di negara ini.

Selaras dengan lantikan ini, Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Bandaran hendaklah peka akan peranan masing-masing bagi mengembangmajukan kawasan-kawasan di bawah Lembaga Bandaran dan sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkepentingan dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bagi menjana sosioekonomi setempat serta menguatkuasakan peraturan-peraturan di bawah bidang kuasa masing-masing

khususnya terhadap isu kebersihan dan alam sekitar. Dalam usaha kita untuk memaju dan membangunkan perekonomian kawasan perbandaran, adalah mustahak untuk memastikan prasarana-prasarana dan infrastruktur awam dalam keadaan selamat dan selesa untuk digunakan oleh orang ramai.

Ke arah ini Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, semasa Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-26 pada 15 Rabiulawal 1441H / 12 November 2019M yang lalu telah bertitah bahawa "Kita sudah ada Akta Kesalahan-Kesalahan berkaitan pengotoran di tempat-tempat awam dan pembuangan sampah, tetapi pembuangan sampah masih terus berlaku tanpa kawalan berkesan. Ini dapat dilihat dari sungai-sungai dan longkang - longkang yang terus dicemari sampah, sedang di tempat lain, orang membuang puntung rokok pun dikenakan tindakan undang-undang". Isu kebersihan ini belum lagi dapat diatasi dengan baik dan berkesan. Sehubungan ini, baginda menghendaki penjagaan kebersihan di kawasan perbandaran perlulah ditingkatkan di mana operasi pembersihan seharusnya tidak dihadkan kepada musim-musim perayaan tertentu sahaja. Usaha-usaha menangani kebersihan perlu dilarutkan kepada bangunan-bangunan pasar yang terdapat di setiap daerah seperti Pasar Gadong dan Pasar Jerudong dan persekitarannya. Langkah ini perlu agar sikap mementingkan kebersihan akan terus dipupuk dan dibudayakan dalam masyarakat di negara ini di semua peringkat. Begitulah titah baginda.

Oleh yang demikian, Jabatan-Jabatan Bandaran yang mempunyai kuasa untuk melaksanakan Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Penggagal 30) perlulah meningkatkan atau melipatgandakan tindakan-tindakan terhadap individu yang didapati melakukan kesalahan dan pemilik-pemilik premis, sama ada premis-premis komersial atau kediaman, yang gagal memelihara kebersihan di kawasan masing-masing. Sehubungan ini, Kebawah DYMM ada bertitah baginda mahu satu penyelesaian yang khusus hendaklah dibuat mengenainya agar perkara ini tidak akan berlarutan tanpa kesudahan. Saya menyarankan supaya Lembaga Bandaran untuk mencadangkan dan melaksanakan program kebersihan yang teratur dengan melibatkan warga penduduk warga bandar dan kampung terutama para belia dalam sama-sama menangani isu-isu kebersihan.

Ke muka 8

Dari Sidang Pengarang.

12 FEBRUARI 2020 BERSAMAAN 1441 جُمَادَى الْآخِرَى 18

**SENTIASA BERSIAP SIAGA
HADAPI 2019-nCoV**

WABAK Coronavirus Baharu (2019-nCoV) setakat ini telah meragut lebih 700 nyawa di China dan keadaan ini tentunya menimbulkan kebimbangan kepada seluruh dunia kerana wabak tersebut semakin merebak di mana ia telah merebak ke lebih 20 negara, termasuk Amerika Syarikat, United Kingdom, Singapura, Perancis, Rusia, Sepanyol dan India.

Di Negara Brunei Darussalam, status jangkitan 2019-nCoV menurut siaran akhbar Kementerian Kesihatan, Alhamdulillah setakat ini, tidak ada kes jangkitan pernafasan akut teruk yang berkaitan dengan jangkitan 2019-nCoV dikesan di Negara Brunei Darussalam.

Namun begitu, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang berkepentingan akan sentiasa memastikan tahap kesiapsiagaan yang tinggi untuk memastikan respons terhadap jangkitan 2019-nCoV dilaksanakan dengan cepat dan sempurna.

Ke arah ini, beberapa langkah-langkah tertentu telah dilaksanakan seperti pemeriksaan suhu badan di pintu-pintu masuk ke negara ini dan penggunaan Borang Pengisytiharan Kesihatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei; peningkatan kapasiti di Makmal Virologi dan Pusat Pengasingan Kebangsaan, Tutong; dan pelaksanaan dasar pengasingan diri (*self-isolation policy*) bagi individu-individu yang telah kembali ke Negara Brunei Darussalam dari Republik Rakyat China.

Kementerian Kesihatan juga telah mengadakan empat sesi muzakarah mengenai jangkitan 2019-nCoV bersama beberapa pihak berkepentingan di Dewan Al-'Afiyah, Kementerian Kesihatan dan di Pusat Promosi Kesihatan yang dihadiri seramai 120 orang yang terdiri daripada pihak-pihak yang berkepentingan iaitu wakil-wakil dari pejabat perwakilan asing ke Negara Brunei Darussalam; Persatuan Hotel Brunei; Persatuan Agensi Pelancongan Brunei; pemandu-pemandu teksi; dan pemandu-pemandu dari Dart Logistics Sdn. Bhd.

Sebagai langkah berjaga-jaga, Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai agar sentiasa mengamalkan amalan kesihatan yang baik pada setiap masa dengan mengelakkan dari menyentuh haiwan hidup yang sakit termasuk ternakan dan burung; memakan daging yang mentah atau tidak dimasak dengan sempurna; mendekati orang yang sakit, kurang sihat atau menunjukkan tanda-tanda penyakit seperti demam panas, batuk atau sesak nafas; mengekalkan tahap kebersihan diri; kerap membasuh tangan dengan air yang bersih dan sabun atau menggunakan *hand sanitiser* (terutamanya sebelum mengendalikan makanan, sebelum makan, selepas menggunakan tandas, atau selepas batuk atau bersin).

Jika mempunyai tanda-tanda jangkitan, orang ramai dinasihatkan agar memakai penutup muka dan hidung (*mask*); menutup mulut dengan tisu ketika batuk atau bersin, dan membuang tisu itu ke dalam tong sampah dengan segera termasuk mengelakkan menziarahi orang yang sakit jika awda sendiri berasa kurang sihat atau mempunyai tanda-tanda jangkitan; dan mendapatkan rawatan perubatan dengan segera jika berasa kurang sihat.

Orang ramai juga diingatkan untuk sentiasa mendapatkan maklumat atau berita yang terkini dan sahih mengenai sebarang perkembangan 2019-nCoV di Negara Brunei Darussalam dari sumber-sumber yang dipercayai khususnya dari Kementerian Kesihatan dan jangan mudah terpedaya dan percaya akan maklumat-maklumat dan berita yang disebarikan melalui Internet atau melalui media-media lain seperti WhatsApp, Twitter dan Facebook tanpa memastikan kesahihannya terlebih dahulu. - **Ketua Penyuntingan (Ad).**

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN 32 25 °C	BANDAR SERI BEGAWAN 32 26 °C	BANDAR SERI BEGAWAN 33 26 °C
PEKAN BANGAR 31 24 °C	PEKAN BANGAR 32 25 °C	PEKAN BANGAR 33 24 °C
PEKAN TUTONG 32 24 °C	PEKAN TUTONG 33 25 °C	PEKAN TUTONG 33 25 °C
KUALA BELAIT 31 24 °C	KUALA BELAIT 31 25 °C	KUALA BELAIT 32 24 °C

Wallaahualam Bissawab | Talian Cuaca | Brunei WX App | 114 | www.met.gov.bn

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
12	RABU	18	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44
13	KHAMIS	19	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44
14	JUMAAT	20	5.07	5.17	6.36	6.58	12.36	3.55	6.33	7.44
15	SABTU	21	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
16	AHAD	22	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
17	ISNIN	23	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.54	6.33	7.44
18	SELASA	24	5.06	5.16	6.35	6.58	12.35	3.54	6.34	7.44

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN | AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

NBD - Tajikistan terokai bidang kerjasama

Oleh : Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Tajikistan, Tuan Yang Terutama Sirojiddin Muhriddin.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama antara lainnya membincangkan mengenai perkara-perkara bagi mengukuhkan dan meningkatkan hubungan diplomatik Negara Brunei Darussalam dan Republik Tajikistan yang telah dijalin sejak 2 Jun 2004.

Kedua-dua pihak juga mengembangkan lagi kerjasama sedia ada dengan memberi tumpuan dalam bidang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Tajikistan, Tuan Yang Terutama Sirojiddin Muhriddin.

pendidikan melalui kolaborasi di antara Institusi-institusi Pengajian Tinggi kedua-dua buah negara, serta meneroka bidang kerjasama yang baharu bagi manfaat bersama. Menyertai bersama TYT ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Tajikistan ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Ardasher

Qodiri. Turut hadir, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin

Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof. Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Berangkat rasmi Shell V-Power



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Masri Osman

Dari muka 1

Awang Muhammad Norshafie seterusnya menyembahkan Shell V-Power adalah bahan api premium, melalui hasil penyelidikan dan perkembangan yang luas antara Shell dan Ferrari dan telah diuji secara meluas dengan lebih tiga juta kilometer dalam pelbagai keadaan jalan dengan lebih daripada 250 kereta yang berbeza, ia juga membolehkan enjin kereta untuk beroperasi pada tahap yang terbaik dan lebih berkesan dalam menyediakan kecekapan dan kuasa bahan bakar.

Untuk melengkapkan bahan api Shell V-Power tersebut sembahnya, turut diperkenalkan ke pasaran Brunei ialah pelincir gabungan kuasa enjin dan prestasi iaitu Pelincir Shell Helix Power, di mana berserta dengan bahan api baharu itu, ia akan memberikan kuasa enjin dengan pakej muktamad.

"Ini adalah permulaan untuk kami di BSM, pasukan kami sedang meneroka cara untuk membuat inovasi perniagaan dan meningkatkan pengalaman pelanggan kami. Kami sedang berusaha untuk menawarkan penyelesaian tenaga alternatif seperti EV charging, serta membawa produk bukan bahan bakar yang disesuaikan sementara memanfaatkan

penjanaan digital, semuanya ditujukan untuk menawarkan kemudahan kepada pelanggan kami," sembah beliau lagi.

Turut diperkenalkan dua bahan api baharu ke pasaran Brunei iaitu Shell V-Power Petrol dan Shell V-Power Diesel, di mana Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan video tayangan yang menunjukkan perkembangan Minyak Shells selama bertahun-tahun.

Atur cara juga turut diselenggarakan dengan penerangan ringkas mengenai manfaat serta keberkesanan Shell V-Power yang disampaikan oleh Saintis Bahan Api Shell, Mr. Colin Chin.

Ke muka 4



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat Brunei Shell Marketing (BSM) berkenan berangkat ke Majlis Pelancaran Produk Petroleum Shell V-Power tersebut (kiri), sementara gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah.



DYTM berkenan mendengar sembah penerangan ringkas semasa menyaksikan pameran Shell V-Power yang disampaikan oleh Saintis Bahan Api Shell, Mr. Colin Chin.



DYTM juga berkenan bergambar ramai bersama para Lembaga Pengarah BSM, pasukan Kepimpinan BSM juga tetamu-tetamu khas.

Dari muka 3

DYTM seterusnya berkenan menyaksikan beberapa pameran termasuk paparan perjalanan BSM di sepanjang enam tahun; maklumat produk mengenai faedah Shell V-Power; Petak Interaktif (yang menyediakan pengalaman interaktif melalui alat Realiti Maya dan demonstrasi); Sudut 'Taste and Feel' (menawarkan pengalaman simbolik untuk membezakan bahan api semasa terhadap bahan api Shell V-Power baharu) dan Petak 'Merchandise'.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTM juga berkenan bergambar ramai bersama para Lembaga Pengarah

BSM, pasukan Kepimpinan BSM juga tetamu-tetamu khas.

BSM ditubuhkan pada tahun 1959, sebagai satu-satunya pembekal bahan api bagi negara sejak 60 tahun yang lalu.

Selain itu, BSM juga mempunyai visi untuk memperluaskan kewujudannya dan menerima pakai tuntutan pelanggan dan teknologi yang pesat berubah, sambil mengekalkan hubungannya yang mantap bersama semua rakan kongsi.

Pengenalan bahan api Shell V-Power adalah untuk memastikan BSM terus menyampaikan bahan api berkualiti sejajar dengan kemajuan dalam industri automotif global. Bahan api

baharu ini direka untuk menghasilkan prestasi dan kecekapan yang lebih baik dan akan diperkenalkan untuk menambah produk bahan api yang sedia ada.

Bahan api berkualiti sedia ada, iaitu Shell Premium, Shell Super, Shell Regular dan Shell Diesel tidak akan berubah dan akan terus tersedia untuk para pelanggan pada harga semasa.

Sejurus pelancaran Shell V-Power hari ini, BSM akan mengadakan jerayawara yang bertujuan untuk memasarkan produk baharu dan menjual

baucar bahan api Shell V-Power.

Senarai lengkap stesen runcit yang menjual bahan api Shell V-Power boleh didapati di laman sesawang BSM, www.bsm.com.bn atau melalui platform media sosialnya.

Mulai sekarang hingga 30 Jun 2020, dengan setiap pembelian Shell V-Power, pengguna akan berpeluang memenangi Porsche Macan S.

Juga hadir sama pada majlis pelancaran tersebut, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman; Timbalan Menteri Tenaga, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw; Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap juga pegawai-pegawai kanan kerajaan dan pihak BSM.



DYTM berkenan menerima junjung ziarah (atas), sementara gambar bawah, DYTM berkenan menyaksikan pameran mengenai faedah Shell V-Power.



DYTM berkenan mendengar sembah penerangan mengenai pencapaian BSM sekitar 1990-an (atas). Sementara gambar bawah kiri, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin. Para tetamu yang hadir turut menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan (bawah kanan).



Iran - Brunei terus perkukuh dalam bidang sains, ekonomi



PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke NBD ketika berucap pada Majlis Sambutan Memperingati Ulang Tahun Kejayaan Hari Kebangsaan Republik Islam Iran Ke-41.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan datin hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Memperingati Ulang Tahun Kejayaan Hari Kebangsaan Republik Islam Iran Ke-41, yang berlangsung di Dewan Universiti Teknologi Brunei.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Februari. - Pelbagai usaha dan bidang dilaksanakan ke arah mempertingkatkan lagi hubungan dua hala, Republik Islam Iran dan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke NBD, Puan

Yang Terutama Homeira Rigi menjelaskan, usaha-usaha tersebut termasuklah pertukaran lawatan delegasi daripada kedua buah negara dalam memperkukuhkan hubungan termasuk dalam bidang sains dan ekonomi.

Oleh sebab itu, Sambutan Memperingati Ulang Tahun

Kejayaan Hari Kebangsaan Republik Islam Iran yang Ke-41 di Dewan Universiti Teknologi Brunei tambahannya, adalah untuk memberi penekanan kepada hubungan di antara universiti di antara negara-negara.

Pada majlis itu,, PYT juga melahirkan penghargaan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerajaan

dan rakyat baginda yang akan meraikan Hari Kebangsaan pada 23 Februari akan datang ini nanti.

Hadir mewakili bagi pihak NBD ialah Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan datin.

Majlis juga dihadiri diplomat-diplomat asing yang berada di negara ini juga para

pegawai kanan kerajaan.

Republik Islam Iran semakin berkembang maju dalam pelbagai bidang. Antara kejayaannya pada tahun 2019 lalu ialah kedudukannya yang pertama dunia dalam bidang perubatan, iaitu pemindahan hati juga pertama dalam penghasilan sains dalam kalangan negara Islam dan dalam dunia sukan pula menjadi negara Asia dalam acara Futsal pada tahun lalu.

Gunakan pendekatan pengajaran lebih efektif



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama ketika berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Februari. - Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji yang diadakan diakhiri dengan Majlis Penutup Kursus bertempat di Dewan Multaqa, Lantai Bawah, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Dalam ucapannya, beliau antara lain menyarankan agar para

pengkursus haji akan dapat menggunakan pendekatan pengajaran yang lebih efektif dan berkesan seperti penggunaan alat-alat bantu mengajar yang bersesuaian yang dapat memberikan lebih kefahaman kepada bakal-bakal jemaah haji.

"Begitu juga dari segi permasalahan penyalasan hukum-hukum ibadah haji yang ditimbulkan supaya perkara ini akan dapat ditangani dengan berkesan dengan cara yang betul supaya dapat dijelaskan dan diberikan kefahaman kepada mereka melalui rujukan hukum-hukum yang tepat yang telah ditetapkan berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah yang menjadi pegangan di Negara Brunei Darussalam," jelasnya.

Menurutnya, ia juga adalah bagi mengelakkan dari sebarang percanggahan atau kekeliruan.

Para pengkursus haji katanya, juga perlu memberikan penekanan terhadap kepentingan pelaksanaan dan penghayatan ibadah haji itu sendiri.

Tambahannya, perkara tersebut perlu ditekankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran kepada mereka, terutama sekali dari segi perkara kesempurnaan dan penghayatan pelaksanaan ibadah Rukun Haji, Wajib Haji dan perkara-perkara sunat yang digalakkan sepanjang mereka berada di Tanah Suci Mekah dan Madinah semasa mengerjakan ibadah haji tersebut.

Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji merupakan salah satu aktiviti tahunan Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang diungkuhkan oleh Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah, sebagai persiapan awal kepada pengkursus ibadah haji sebelum Kursus Ibadat Haji bermula untuk menyampaikan ilmu pengetahuan mengenai manasik haji juga yang berkaitan dengannya kepada bakal jemaah haji di negara ini.

Majlis turut diselenggarakan dengan Pembentangan Resolusi Muzakarah oleh Pegawai Ugama Kanan, Jabatan Urusan Haji, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong.

Pada tahun ini, Jabatan Urusan Haji juga mengundang 150 peserta dari seluruh kementerian di negara ini untuk menghadiri Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji.

Pelita Brunei juga berpeluang menemui dua peserta kursus, iaitu Awang Ali Hassan bin Mohd. Said, mewakili Pusat Da'wah Islamiah dan Dayang Hajah Zaliha binti Haji Ibrahim, Daie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei.

Menurut Awang Ali Hassan, muzakarah tersebut mempunyai banyak manfaat terutama sekali kepada para pengkursus-pengkursus ibadah haji yang setentunya boleh dikongsikan bersama bakal-bakal jemaah haji yang akan menunaikan ibadah haji pada tahun ini.

Bagi Dayang Hajah Zaliha

pula, isi kandungan yang disampaikan di sepanjang muzakarah mempunyai pencerahan yang jelas, terutama sekali bahagian kemusykilan yang dihadapi oleh para jemaah semasa menunaikan ibadah haji.

Katanya, penerangan yang padat walaupun hanya pada masa yang singkat sahaja dan beliau berharap pada masa akan datang segala yang disampaikan akan dapat dikemaskinikan dan diterbitkan

menjadi sebuah buku rujukan.

Muzakarah diharap dapat mencapai objektifnya dan memantapkan lagi guru-guru pengkursus dengan ilmu ibadah haji dalam menyampaikan kursus ibadah haji kepada bakal jemaah haji tahun 1441H / 2020M, di samping ilmu ibadah haji dapat disebarluaskan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan awam juga mahasiswa institusi-institusi pengajian tinggi.



PARA peserta yang mengikuti kursus tersebut.

Ulang tahun Pusat Terapi Ceragem Brunei diraikan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (tengah); Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam (dua, kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) selaku Pengasas Ceragem Brunei (dua, kanan) memotong kek sempena Sambutan Ulang Tahun Ketujuh, Pusat Terapi Ceragem (Brunei). Majlis berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Jalan 77, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan.

Siaran Akhbar : Pusat Terapi Ceragem (Brunei)
Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Februari. - Pusat terapi tulang belakang menggunakan mesin khas dari Korea mula diperkenalkan di Negara Brunei Darussalam pada 4 Februari 2013, sehingga kini telah merawat kira-kira 300 ribu orang yang mempunyai pelbagai penyakit, termasuk penyakit kronik.

Sempena Sambutan Ulang Tahun Ketujuh, Pusat Terapi Ceragem (Brunei) mengadakan Hari Mesra Pelanggan yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Jalan 77, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar

Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Juga hadir Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yoon Hyun Bong.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) selaku Pengasas Ceragem Brunei, Lee Chang Nam dalam ucapannya melahirkan penghargaan kepada penduduk di negara ini kerana memberikan kepercayaan kepada syarikat berkenaan untuk terus beroperasi sehingga ke hari ini.

Kualiti air kekuningan sentiasa dipantau

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Februari. - Jabatan Kerja Raya (JKR) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai warna air kekuningan di kebanyakan tempat pada ketika ini adalah disebabkan oleh kualiti air mentah sungai yang tidak konsisten dan tidak baik.

Perkara ini memerlukan proses rawatan tambahan yang mana akan mengambil masa serta menyebabkan berkurangan penghasilan air bersih loji.

Selain itu, ada juga faktor-faktor lain yang menyebabkan kekuningan air.

Walau bagaimanapun, pihak JKR telah meningkatkan usaha untuk menangani isu air kekuningan dengan melaksanakan pelbagai kerja-kerja operasi seperti : Mencuci tangki-tangki simpanan air; Mengganti paip-paip lama yang sering bocor; Menangani masalah di Loji Rawatan Air berkaitan dengan tangki penapisan, kolam penjernihan, dos kimia, pam-pam dan sebagainya; dan Memantau kualiti air mentah sungai dan tahapnya serta melepaskan air empangan apabila perlu.

JKR juga ingin menasihati orang ramai terutamanya yang mempunyai tangki rumah dan penapis air sendiri untuk memastikan barang tersebut sentiasa dalam keadaan bersih dengan melakukan rutin *flushing* dan *backwashing*.

Tangki rumah dan penapis air yang lama tidak dibersihkan akan menyebabkan air masuk berubah warna walaupun keadaan bekalan air di luar kawasan rumah jernih.

Di samping itu, pihak jabatan juga mengawas kualiti bekalan air agar sentiasa mencapai parameter garis panduan Piawaian Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO).

Selain itu, pihak JKR juga sentiasa menjalankan pemantauan rutin ujian sampel air dari beberapa lokasi di Daerah Brunei dan Muara serta melaksanakan operasi *flushing* rangkaian paip air secara berterusan di kawasan-kawasan terlibat.

JKR juga ingin mengambil peluang ini untuk memohon kerjasama semua pihak untuk berjimat cermat di dalam penggunaan air serta menghubungi Talian Darussalam 123 bagi pembekalan air bersih melalui *tanker* atau sebarang aduan berhubung pembekalan air bersih.

Sekali lagi, JKR ingin meminta maaf atas perkara ini dan ingin berterima kasih atas kefahaman dan kesabaran orang ramai yang terlibat.

Tiada kes jangkitan 2019-nCoV dikesan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

Dari muka 1

Ke arah ini, beberapa langkah-langkah tertentu telah dilaksanakan seperti, pemeriksaan suhu badan di pintu-pintu masuk ke negara ini dan penggunaan Borang Pengisytiharan Kesihatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei; peningkatan kapasiti di Makmal Virologi dan Pusat Pengasingan Kebangsaan, Tutong; dan pelaksanaan dasar pengasingan diri (*self-isolation policy*) bagi individu-individu yang telah kembali ke NBD dari Republik Rakyat China.

Dalam pada itu, dengan mengambil kira perkembangan situasi jangkitan virus 2019-nCoV di seluruh dunia, Kementerian Kesihatan telah mengkaji semula dan mengemas kini nasihat perjalanan bagi rakyat dan penduduk NBD yang telah dikeluarkan sebelumnya seperti berikut :

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak membuat sebarang perjalanan ke wilayah-wilayah Hubei, Zhejiang dan Jiangsu di Republik Rakyat China pada ketika ini. Ini adalah memandangkan pihak-pihak berkuasa di Republik Rakyat China telah memulakan perintah *lockdown* bagi wilayah-wilayah Zhejiang dan Jiangsu bermula 9 Februari 2020.

Orang ramai hendaklah

mengelakkan daripada melakukan sebarang perjalanan yang tidak penting (*non-essential travel*) ke *mainland* China.

Sementara itu, langkah-langkah pengawalan kemasukan pelawat ke NBD telah juga diteliti semula dan dikemas kini seperti berikut :

Mana-mana pelawat dari wilayah-wilayah Hubei, Zhejiang dan Jiangsu tidak akan dibenarkan masuk ke NBD. Larangan ini adalah dikecualikan bagi rakyat dan penduduk tetap NBD;

Rakyat dan penduduk tetap NBD serta pemegang visa jangka panjang (*long-term visa*) yang telah berada di wilayah-wilayah lain di Republik Rakyat China dalam masa 14 hari sebelum tiba di NBD adalah dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri (*self-isolation*) selama 14 hari semasa tiba ke negara ini; dan

Rakyat atau penduduk tetap NBD yang sedang berada di Republik Rakyat China (tanpa mengira wilayah) boleh dibenarkan untuk masuk kembali ke NBD. Mereka adalah dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri selama 14 hari.

Dalam pada itu, mana-mana rakyat atau penduduk tetap NBD yang sakit dan sedang berada di Republik Rakyat China adalah dinasihatkan untuk menanggungkan kepulauan mereka ke negara ini dan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan bantuan pihak Kedutaan NBD di Republik Rakyat China untuk nasihat selanjutnya.

Oleh itu, sebagai langkah berjaga-jaga, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengamalkan amalan kesihatan yang baik pada setiap masa : Elakkan dari menyentuh haiwan hidup yang sakit termasuk ternakan dan burung; Elakkan dari memakan daging yang mentah atau tidak dimasak dengan sempurna; Elakkan dari mendekati orang yang sakit, kurang sihat atau menunjukkan tanda-tanda penyakit seperti demam panas, batuk atau sesak nafas; Mengekalkan tahap kebersihan diri; Kerap membasuh tangan dengan air yang bersih dan sabun atau menggunakan *hand sanitiser* (terutamanya sebelum mengendalikan makanan, sebelum makan, selepas menggunakan tandas, atau selepas batuk atau bersin); Memakai penutup muka dan hidung (*mask*) jika awda mempunyai tanda-tanda jangkitan pernafasan seperti batuk atau bersin; Menutup mulut dengan tisu ketika batuk atau bersin, dan membuang tisu itu ke dalam tong sampah dengan segera; Elakkan daripada menziarahi orang yang sakit jika awda sendiri berasa kurang sihat atau mempunyai tanda-tanda jangkitan; dan Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika awda merasa kurang sihat.

Manakala mengenai penggunaan penutup mulut dan hidung (*mask*), Kementerian Kesihatan ingin mengongsikan cara yang betul untuk menggunakannya. Terdapat

pelbagai jenis *mask* yang boleh diperoleh di pasaran termasuk *surgical face mask*, *mask* kertas dan *mask* kain. Walau bagaimanapun, hanya *surgical face mask* sahaja yang disyorkan untuk digunakan bagi mencegah jangkitan pernafasan. Tatacara menggunakan *surgical face mask* yang betul adalah :

Langkah pertama - Tutup mulut dan hidung dengan *surgical face mask* dan pastikan lapisan dalam (berwarna putih) menghadap mulut awda dan lapisan luar (berwarna biru atau hijau) menghadap ke luar. Pasangkan tali di belakang telinga dan pastikan tidak ada ruang di antara muka dan *surgical face mask*;

Langkah kedua - Jangan sentuh *surgical face mask* semasa ia digunakan;

Langkah tiga - Tanggalkan *surgical face mask* dengan menggunakan teknik yang betul - jangan sentuh bahagian luar *surgical face mask* dan tanggalkan tali dari belakang telinga; dan

Langkah keempat - Selepas ditanggalkan atau apabila tersentuh *surgical face mask* yang telah dipakai, bersihkan tangan dengan air dan sabun atau *hand sanitiser*.

Oleh itu, Kementerian Kesihatan juga ingin mengingatkan kepada orang ramai untuk sentiasa mendapatkan maklumat atau berita yang terkini dan sahih mengenai sebarang perkembangan 2019-nCoV di NBD daripada sumber-sumber yang dipercayai

terutamanya dari Kementerian Kesihatan. Orang ramai dinasihatkan supaya tidak mudah terpedaya dan percaya akan maklumat-maklumat dan berita yang disebarkan melalui Internet atau melalui media-media lain seperti WhatsApp, Twitter dan Facebook tanpa memastikan kesahihannya terlebih dahulu.

Seterusnya orang ramai juga diperingatkan untuk lebih bertanggungjawab dan tidak turut menyebarkan sebarang perkara yang tidak disahkan oleh kementerian ini.

Kementerian Kesihatan akan terus mengekalkan tahap kesiapsiagaan yang tinggi, dan bekerjasama dengan pihak WHO serta negara-negara jiran bagi mengawal keadaan ini. Dalam hal ini, orang ramai adalah dinasihatkan supaya tidak berasa cemas dan panik. Kementerian Kesihatan akan memaklumkan orang ramai daripada masa ke masa mengenai sebarang perkembangan terkini dan apa jua langkah-langkah yang perlu dilaksanakan.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Nasihat Kesihatan (Health Advice Line) +673 2381380 dan +673 2381383 pada waktu bekerja atau Talian Darussalam 123 di luar waktu bekerja. Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai jangkitan 2019-nCoV, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn/SitePages/2019-nCoV.aspx.

Proaktif menyebarkan ilmu ibadah haji

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Februari. - Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji merupakan salah satu aktiviti tahunan Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang diungkuhkan oleh Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah, sebagai persiapan awal kepada pengkursus ibadah haji sebelum Kursus Ibadat Haji bermula untuk menyampaikan ilmu pengetahuan mengenai manasik haji juga yang berkaitan dengannya kepada bakal

jemaah haji di negara ini. Sehubungan itu, majlis diadakan di Dewan Multaqa, Lantai Bawah, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis perasmian, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusof. Dalam ucapannya, beliau yakin semua peserta kursus akan

mendapat ilmu yang diperoleh dan dijadikan sebagai tambahan bagi memantapkan lagi kefahaman ilmu ibadah haji yang sedia ada.

Menurutnya, guru-guru pengkursus merupakan penyampai dan berperanan penting dalam menyalurkan informasi dan maklumat ilmu manasik haji kepada bakal-bakal jemaah haji hingga menjadikan mereka betul-betul mengetahui dan memahaminya.

Beliau seterusnya berharap kepada peserta-peserta yang lainnya supaya akan dapat mengongsikan ilmu dan maklumat yang diperoleh kepada kawan-kawan dan rakan-rakan

sama ada yang menuntut di institusi-institusi pengajian tinggi, maktab-maktab, sekolah-sekolah mahupun rakan sekerja di jabatan di Kementerian masing-masing.

Beliau turut menyarankan ke Jabatan Urusan Haji supaya akan dapat berusaha dengan lebih proaktif lagi, untuk membuat sesuatu yang boleh dipertingkatkan dalam menyebarkan ilmu ibadah haji, di samping menyalurkan maklumat-maklumat terkini berhubung dengan pengurusan dan perkhidmatan-perkhidmatan haji yang disediakan juga cabaran-cabaran tidak dijangkakan yang akan dihadapi setiap tahun.

Pada tahun ini, Jabatan Urusan Haji juga telah mengundang 150 orang peserta daripada seluruh Kementerian di negara ini untuk menghadiri Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji.

Sebanyak tiga Pembentangan Kertas Kerja yang dibentangkan iaitu Kertas Kerja Perdana bertajuk 'Penghayatan Ibadat Haji di Bumi Arafah dan Mina', dibentangkan oleh Penolong Pensyarah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Mohammad Khairul Nazif bin Haji Awang Damit; Beberapa Hukum Berbangkit ketika Berada di Tanah Suci bertajuk 'Mabit di Muzdalifah, Tahallul Awal dan Larangan ke atas Lelaki yang Berihram', dibentangkan oleh Pegawai Istibat Kanan, Jabatan Mufti Kerajaan, Haji Awang Mohammad Raimi bin Awang Tengah; dan Pegawai Buhuth, Jabatan Mufti Kerajaan, Awang



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) semasa berucap dan seterusnya merasmikan Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji Bagi Musim Haji Tahun 1441H / 2020M di Dewan Multaqa, Lantai Bawah, Bangunan Tambahan KHEU.

Haji Martino @ Abdul Azim bin Haji Ahmad; dan Manasik Haji Wanita bertajuk 'Tawaf Ifadhah Jemaah Haji Wanita yang Dalam Keadaan Haid' oleh Pegawai Istibat Kanan, Jabatan Mufti Kerajaan, Dayang Hajah Noraini binti Haji Buntar.

Hukum-hukum berkaitan dengan haji, umrah dan ziarah yang akan disampaikan selaras dan seragam tidak ada percanggahan hukum yang diberikan kepada para bakal jemaah haji oleh guru-guru pengkursus selain melengkapkan dan mempersiapkan diri guru-guru pengkursus dengan ilmu-ilmu ibadah haji dan bimbingan haji.



ANTARA yang hadir pada Majlis Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji tersebut.



PEMANGKU Pegawai Penerangan Kanan, selaku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan semasa berucap.

Berita dan Foto :
Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Selasa, 11 Februari. - Program Sua Muka (Personal Contact - PC) bertujuan untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara pihak kerajaan bersama rakyat.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan mengadakan PC bagi Kampung Tanjong Maya, Mukim Tanjong Maya di rumah Pemangku Ketua Kampung Tanjong Maya, Awang Haji Alias bin Haji Suhaili.

Awang Haji Alias semasa ditemu

Program Sua Muka wajar diteruskan



SEBAHAGIAN daripada penduduk yang menghadiri Program Sua Muka (Personal Contact - PC) yang diadakan oleh Jabatan Penerangan bagi Kampung Tanjong Maya, Mukim Tanjong Maya di rumah Pemangku Ketua Kampung Tanjong Maya, Awang Haji Alias bin Haji Suhaili (kiri dan kanan).

bual berkata, PC wajar diteruskan dan beliau sangat berpuas hati dengan adanya program berkenaan diadakan.

Dari segi penyampaian slaid gambar, penerangan dan isi kandungan program, jelasnya

amat memuaskan.

Antara pengisian PC, Sesi Dialog bersama Jabatan Penerangan bersama Pemangku Ketua Kampung dan Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) berkenaan; Taklimat Kenali



Negara Kitani dan Selera Kampung Kitani; juga demo InfodeptBN.

Dalam pada itu, Kampung Tanjong Maya mempunyai keluasan lima kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai

1,050 orang dengan bilangan rumah sebanyak 115 buah.

Antara kemudahan yang terdapat di kampung ini, termasuk kedai runcit, talian telefon, elektrik, air bersih, dewan kemasyarakatan dan jalan raya.

MoU bidang penjagaan kesihatan gigi dimeterai



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Kesihatan merangkap Ahli Lembaga Pengelola Politeknik Brunei menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kementerian Kesihatan dan Politeknik Brunei (kanan). Sementara gambar atas, antara yang hadir pada majlis tersebut.



Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Februari. - Kementerian Kesihatan dan Politeknik Brunei menubuhkan kerjasama dalam bidang penjagaan kesihatan gigi melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang termeterai pada Majlis Penandatanganan di Mock Hotel, Politeknik Brunei, di sini.

Kerjasama ini bertujuan bagi melatih juruhigin dan juruterapi pergigian yang mencukupi pada masa hadapan untuk mengisi kekurangan tenaga manusia dalam Jabatan Perkhidmatan Pergigian

(JPP), di samping memberikan latihan yang mapan bagi memastikan bekalan profesional penjagaan gigi yang berterusan dalam usaha memenuhi keperluan rawatan dan penjagaan kesihatan gigi bagi rakyat dan penduduk di negara ini.

Penandatanganan MoU antara Kementerian Kesihatan mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Politeknik Brunei ini adalah bagi menubuhkan, mempromosi dan

membangunkan kerjasama secara rasmi dalam bidang kajian, pendidikan dan program latihan bersama.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan penandatanganan itu ialah Setiausaha Tetap di Kementerian Kesihatan merangkap Ahli Lembaga Pengelola Politeknik Brunei, Awang Haji Abdul Manap bin Othman.

Menandatangani bagi pihak Politeknik adalah Pengarahnya, Denis Ho Mun Tai, manakala Pemangku Pengarah Perkhidmatan Pergigian, Dr. Awang Haji Mohin bin Haji Momin menandatangani bagi

pihak Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, Penolong Pengarah Politeknik Brunei, Awang Alias bin Haji Abu Bakar dan Timbalan Pengarah/Pemangku Pakar Bersekutu, JPP juga Specialist Prosthodontist, Dayang Maisalamah binti Haji Taha masing-masing menandatangani selaku saksi.

Melalui MoU ini, Kementerian Kesihatan dan Politeknik Brunei akan mengambil beberapa langkah bagi menggalakkan dan meningkatkan kerjasama, antaranya dalam menjalankan program Diploma Level 5 dalam Sains Kesihatan (Juruhigin dan Juruterapi Pergigian); mengenal

pasti peluang bagi fakulti dan kakitangan untuk mengikuti program pendidikan atau latihan jangka pendek; penempatan klinik; serta persidangan dan program akademik bersama.

Sekolah Sains Kesihatan memperkenalkan program Diploma dalam Sains Kesihatan (Higin dan Terapi Pergigian) pada bulan Julai 2019 yang dilaksanakan dengan kerjasama JPP. Program ini hanya ditawarkan setiap dua tahun.

Program itu sebelumnya dijalankan dengan kerjasama King's College London (Level 4, BDVTech National Diploma).

HALUAN

Dari muka 2

Lembaga Bandaran hendaklah mengambil inisiatif bagi membangun pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana dan menyediakan lebih banyak peluang-peluang kepada anak-anak tempatan untuk menjalankan perniagaan. Saya menyeru supaya setiap Lembaga Bandaran akan dapat sentiasa meneliti dan memantau usaha-usaha yang dijalankan dalam sama-sama meningkatkan tahap perekonomian dan prasarana agar warga bandar dan masyarakat awam akan dapat menikmati tahap kesejahteraan yang tinggi serta berupaya menjana aktiviti perekonomian yang mampan dan berterusan.

Seterusnya saya ingin membangkitkan mengenai isu kemudahan awam khususnya tandas-tandas yang disediakan di seluruh negara oleh Jabatan-Jabatan Bandaran. Setakat ini, sebanyak 26 buah tandas awam disediakan di mana kerja-kerja pembersihannya dijalankan sama ada oleh syarikat swasta atau dijalankan sendiri oleh Jabatan Bandaran. Hasil daripada audit yang dibuat oleh *task force* Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) didapati bahawa tahap tandas-tandas awam yang terletak di Pusat Bandar Seri Begawan adalah di tahap yang kurang memuaskan di mana, fasilitinya ada yang tidak berfungsi dengan baik, bau yang kurang menyenangkan, kemudahan asas yang tidak mencukupi dan kunci pintu yang rosak. Nampaknya, isu kebersihan ini bukan sahaja berlaku di persekitaran luar dan premis-premis bangunan bahkan di tandas-tandas awam juga. Dapatan daripada audit tersebut setentunya memerlukan perhatian segera kerana menimbulkan ketidakselesaan kepada

Bersama tangani isu kebersihan

semua pengguna dan mempamerkan imej yang kurang baik terutama sekali kepada pelancong. Bertindaklah untuk memastikan tandas-tandas awam di tahap cemerlang atau sekurang-kurangnya sangat baik kerana keadaan tandas awam mencerminkan sikap masyarakat sesebuah negara. Tandas-tandas awam perlu diurus dan dinaik taraf, mempunyai sistem pengawasan dan pembersihan yang sistematik. Sepertimana diketahui, Negara Brunei Darussalam akan menerima kedatangan pelancong-pelancong luar negeri yang semakin bertambah. Oleh itu, adalah mustahak bagi memastikan kemudahan awam seperti tandas sentiasa bersih dan mencukupi.

Saya sukacita menarik perhatian Majlis Muzakarah ini mengenai dengan Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei Kepada Bandar Seri Begawan Kali Ke-50 Tahun 2020. Ke arah ini saya telah pun menasihatkan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan bagi penubuhan satu Jawatankuasa Khas bagi mengatur rancangan-rancangan yang signifikan sempena Sambutan tersebut. Saya menyarankan bagi Pengerusi, Ahli-Ahli Lembaga Bandaran dan pihak Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan untuk fokus, komited, aktif memberikan buah fikiran dan bersedia untuk mengeluarkan tenaga untuk sama-sama menjayakan Sambutan tersebut. Rancangan-rancangan Sambutan perlulah menarik dan memberikan kesan yang positif bukan sahaja kepada warga bandar, bahkan kepada pengunjung dari daerah-daerah lain dan pelancong.

Sukacita juga saya merujuk kepada Mesyuarat Lembaga Bandaran baru-baru ini diadakan yang antara lainnya membincangkan mengenai prasarana dan perkhidmatan di Bandar Seri Begawan. Salah satu perkara yang

dibangkitkan di mesyuarat tersebut ialah mengenai kekurangan prasarana bagi Orang Kelainan Upaya atau ringkasnya OKU. Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab bagi meluluskan pelan bagi membina bangunan serta Lembaga Bandaran, perlu mengambil perhatian dan tidak mengabaikan keperluan dan penyediaan kemudahan bagi OKU dan warga emas. Kita mahu prasarana dan infrastruktur awam dalam keadaan selamat dan selesa digunakan oleh semua lapisan masyarakat.

Saya menaruh harapan yang tinggi kepada Pengerusi dan Ahli - Ahli Lembaga Bandaran untuk mengubah wajah Lembaga Bandaran, menjadikan Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria serta Tutong sebagai pusat bandar yang *vibrant*, ceria, pintar, bersih, selesa, selamat dan aman yang mampu menarik pengunjung-pengunjung untuk ke bandar berurusan dan menjana perkembangan ekonomi untuk membantu belia-belua dan pengusaha mikro, kecil dan sederhana.

Rancangan-rancangan yang dibuat itu mestilah realistik dan *achievable* serta menggunakan kaedah pemantauan yang berkesan dan teratur. Urusetia Lembaga Bandaran perlu memainkan peranan bagi memastikan setiap rancangan dan tindakan dilaksanakan mengikut garis masa (*timeline*) yang telah dipersetujui. Sukacita juga mengingatkan setiap rancangan dan tindakan yang telah berjalan atau disusun atur dalam sesi permesyuaratan Lembaga Bandaran yang dahulu perlulah juga di *revisit* kerana itu merupakan komitmen dan tanggungjawab yang perlu dipenuhi oleh Lembaga Bandaran untuk memberikan perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik kepada warga bandar dan orang awam.

Selanjutnya, saya ingin mengongsikan mengenai dua perkhidmatan yang telah diusahakan oleh KHEDN bagi

membantu Jabatan-Jabatan Bandaran untuk meningkatkan lagi kutipan hasil cukai bangunan. Perkhidmatan pembayaran cukai bangunan dalam talian melalui *mobile applications / internet banking* telah dilancarkan pada 22 Januari 2019 bagi memudah cara pembayaran cukai bangunan. Tujuan perkhidmatan ini diadakan adalah sebagai alternatif lain untuk membayar cukai bangunan menjelaskan cukai bangunan mereka di kaunter Jabatan-Jabatan Bandaran. Perkhidmatan seterusnya ialah SMS Push Notification iaitu sebagai platform lain yang digunakan oleh Jabatan-Jabatan Bandaran untuk memberikan maklumat atau peringatan kepada pembayar cukai bangunan yang belum menjelaskan tuntutan cukai bangunan. KHEDN dengan Jabatan-Jabatan Bandaran akan secara berterusan mempertingkatkan kecekapan, keberkesanan organisasi dan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pembayar cukai bangunan.

Seterusnya, salah satu projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 iaitu Projek Electronic Property Tax (E-PTax) - Municipal Property Database (MPD) yang mana telah selesai dinilai oleh pihak KHEDN. Apabila projek E-PTax ini bermula nanti, tahap efisiensi pengurusan pemfailan dan penyimpanan maklumat cukai bangunan akan lebih teratur kerana ia disimpan secara digital.

Saya, mengharapakan Pengerusi Lembaga Bandaran akan lebih proaktif dan efisien untuk memandu Ahli-Ahli Lembaga Bandaran dalam perbincangan yang konstruktif, membuat penambahbaikan ke atas penyelarasan Mesyuarat Lembaga Bandaran serta penyediaan agenda yang menjurus untuk perbincangan bagi penyediaan perkhidmatan dan pembangunan kawasan perbandaran dan bukannya beroperasi sebagai Jabatan-Jabatan Bandaran sahaja. Sekian, terima kasih.

Shell V-Power minyak berkualiti lindungi enjin kenderaan



KETUA Bisnes Komersil, Awang Mohd. Adini bin Haji Mohd. Daini ketika ditemu bual.

JERUDONG, Isnin, 10 Febuari. - Shell V-Power salah satu minyak berkualiti terkini yang mempunyai prestasi dan kecekapan serta mampu melindungi enjin kenderaan sepanjang perjalanan.

Teknologi yang digunakan bukan sahaja membantu memperbaiki kondisi enjin malah juga membantu memaksimumkan tenaga dari minyak.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Ketua Bisnes Komersil, Awang Mohd. Adini bin Haji Mohd. Daini ketika ditemu bual di Dewan Indera Samudara, The Empire Brunei.

Menurutnya, Shell bekerja rapat dengan Ferrari dalam penyelidikan dan pembangunan untuk terus mencipta dan menghasilkan formulasi minyak terbaik untuk semua kenderaan dan ia satu-satunya minyak yang direka cipta dan disyorkan oleh Ferrari.

Katanya, Shell V-Power akan

bermula pada 16 Februari hingga 30 Jun ini dan sebanyak 14 buah stesen minyak akan menggunakan minyak tersebut dengan harga promosi.

"Kereta-kereta dalam pasaran di luar negeri semakin maju dengan enjin yang baharu dengan menggunakan teknologi baharu dan kebanyakan enjin-enjin yang baharu ini memerlukan minyak yang baharu, seperti Shell V-Power, dengan adanya Shell V-Power ini akan memudahkan lagi penganjak-penganjak kereta membawa kereta yang baharu. BSM memberikan tambahan dan

pilihan untuk orang ramai boleh mencuba minyak yang baharu ini," jelasnya.

Perbezaan minyak yang baharu ini tambahannya, amat ketara, iaitu formula di dalam V-Power ini untuk membersihkan dan menghilangkan karat dan mengurangkan karbon pada enjin.

Masa hadapan BSM, ujannya, akan melihat keseluruhan dan keperluan dari segi tenaga minyak dan bisnes BSM menyeluruh seperti minyak kapal terbang, minyak kapal dan lain-lain lagi, BSM akan meningkatkan dari segi kualiti produk-produk

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

yang diberikan dan juga mempelbagaikan pilihan yang ada untuk orang ramai.

"Pelanggan boleh menukar minyak yang lama jika pelanggan ingin mencuba minyak yang baharu ia tidak ada masalah kerana minyak yang baharu ini sesuai untuk kenderaan yang baharu atau yang lama," jelasnya.

Beliau menjelaskan lagi, kenderaan asing hanya dibolehkan

membelikan Shell V-Power sahaja, semua pam yang sebelum ini disediakan bagi kenderaan asing akan ditiadakan.

BSM amat komited dan berusaha untuk membawa sesuatu yang terbaik untuk para pelanggan. Dengan kemajuan enjin yang terbaharu, kenderaan kini memerlukan minyak berkualiti tinggi untuk mengoptimumkan potensi sebuah enjin kenderaan.



SEBAHAGIAN daripada pameran semasa pelancaran Shell V-Power (kiri dan kanan).

Para pustakawan dalami ilmu *internet*



PEMANGKU Ketua Eksekutif, Pihak Berkuasa Info-Komunikasi Teknologi (AITI) semasa berucap pada Seminar Kesedaran Tadbir Urus Internet bagi Perpustakaan.



YANG Di-Pertua Persatuan Perpustakaan Negara Brunei Darussalam (BLA) semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.

mengingsikan mengenai wujudnya Majlis Penasihat Kandungan (Content Advisory Council) juga talian bantuan bagi aduan isu tular di media sosial 123 yang wujud sejak tahun 2018.

Sementara itu semasa menyampaikan kata-kata aluan, Yang Di-Pertua BLA, Dayang Hajah Nellie binti Dato Paduka Haji Sunny turut berharap melalui seminar tersebut akan dapat meningkatkan kesedaran para pustakawan terhadap dasar, etika, cabaran, risiko dan ancaman terhadap *internet*.

BLA didaftarkan dan beroperasi secara rasminya pada 11 Mac 1986 dengan tujuan bagi mengumpulkan dan mengangkat keprofessionalisma dalam kalangan ahli yang terdiri daripada pustakawan, pakar maklumat dan data dan industri berkaitan. Persatuan tersebut juga aktif menerbitkan risalah bertajuk Wadah Perpustakaan yang boleh diperoleh dengan melayari laman sesawang persatuan tersebut, di alamat www.brunelibraryassociation.wordpress.com.



Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd Noor / Morshidi

BERAKAS, Selasa, 11 Februari. - Persatuan Perpustakaan Negara Brunei Darussalam (BLA) dengan kerjasama Pihak Berkuasa Info-Komunikasi Teknologi (AITI) menganjurkan seminar bertajuk Seminar Kesedaran Tadbir Urus Internet bagi Perpustakaan.

Seramai 50 orang peserta terdiri daripada pustakawan seluruh negara menyertai seminar selama setengah hari tersebut bertempat di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Jalan 99, Kampung Lambak Kanan.

Hadir dan merasmikan seminar,

Pemangku Ketua Eksekutif AITI, Ir. Awang Haji Jailani bin Haji Buntar.

Pemudah Cara di sepanjang seminar tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai AITI, Pengiran Alias bin Pengiran Dato Paduka Haji Hidup dan Dayang Nur Syamimi binti Suhaimi, antara lain menyentuh mengenai etika dan keselamatan semasa melayari *internet*.

Turut disentuh semasa seminar tersebut, tatacara mengurus akses talian internet di perpustakaan.

Terdahulu semasa berucap, Awang Haji Jalaini turut

ANTARA yang menghadiri Seminar Kesedaran Tadbir Urus Internet bagi Perpustakaan tersebut (atas kanan dan kanan).

Hukum, hikmah dan permasalahan membaca *isti'azah* ketika membaca Al-Quran di luar sembahyang

"MAKA apabila engkau membaca Al-Quran, maka hendaklah engkau (terlebih dahulu) memohon perlindungan kepada Allah daripada (gangguan) syaitan yang direjam".

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

ISTI'AZAH merupakan sebuah lafaz yang sememangnya tidak asing bagi seorang Muslim. Menurut jumhur ulama, orang yang hendak membaca Al-Quran, disunatkan untuk membaca *isti'azah* dalam apa sahaja keadaan, sama ada dalam sembahyang atau di luar sembahyang. Ia disyariatkan sebagai *muqaddimah* bagi sesiapa sahaja yang hendak membaca Al-Quran.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah an-Nahl, ayat 98 :

Tafsirnya : "Maka apabila engkau membaca Al-Quran, maka hendaklah engkau (terlebih dahulu) memohon perlindungan kepada Allah daripada (gangguan) syaitan yang direjam". (Surah an-Nahl : 98)

Isti'azah yang disunatkan ketika hendak membaca Al-Quran mempunyai beberapa lafaz yang masyhur, akan tetapi bacaan *isti'azah* yang dipilih oleh jumhur dan yang paling afdal ialah :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Ertinya : "Aku berlindung dengan Allah daripada syaitan yang direjam".

Menurut ulama Mazhab asy-Syafii, *isti'azah* juga terhasil dengan apa sahaja lafaz yang membawa maksud memohon perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala daripada syaitan. Oleh kerana itu, ada juga bacaan *isti'azah* dengan lafaz lain yang diamalkan oleh sebahagian ahli salaf sebelum membaca Al-Quran seperti lafaz

(أَعُوذُ بِاللَّهِ السَّمِيعِ الْعَلِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ)

(أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ، إِنَّ اللَّهَ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ)

dan seumpamanya. Lafaz-lafaz seperti ini adalah diterima dan memadai untuk menunaikan tuntutan *isti'azah*. Bagaimanapun, menggunakan lafaz (أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ) adalah lebih afdal bagi mereka yang hendak membaca Al-Quran.

Hikmah Disyariatkan *Isti'azah*

Setiap perkara yang disyariatkan Islam pasti ada hikmah yang tersendiri. Hikmah tersebut ada yang disebutkan secara jelas melalui sumber-sumber syarak serta disebutkan dalam kitab-kitab para ulama berdasarkan pendapat, kajian atau pengalaman mereka. Ada pula hikmah yang dirahsiakan daripada pengetahuan manusia atas sebab-sebab yang menjadi rahsia Allah Subhanahu Wata'ala.

Salah seorang ulama yang menjelaskan hikmah disyariatkan *isti'azah* adalah Imam al-Jazari Rahimahullah, seorang ulama terkenal Mazhab asy-Syafii yang meninggal pada tahun 833 Hijriah. Dalam kitabnya An-Nasyru Fi al-Qira'at al-'Asyar, beliau menyenaraikan beberapa hikmah pensyariatan *isti'azah*, antaranya :

(i) Membersih dan menyucikan mulut sebelum membaca ayat-ayat suci Al-Quran daripada perkara-perkara dosa dan maksiat yang telah mencemar atau mengotorkannya seperti kerana mengeluarkan perkataan-perkataan yang keji dan sia-sia.

(ii) Sebagai persediaan sebelum membaca kalam Allah Subhanahu Wata'ala dengan meminta perlindungan dan pemeliharaan-Nya daripada berlaku sebarang kekurangan atau kecacatan atau kesalahan ketika membacanya. Ini merupakan suatu ikrar dan pengakuan daripada pembaca Al-Quran bahawa kekuasaan itu adalah milik mutlak Allah Subhanahu Wata'ala.

(iii) Pengakuan seorang hamba atas kelemahannya untuk menghadapi musuh batin yang jahat iaitu syaitan, yang dia tidak mampu menghalau dan menghindarinya melainkan dengan bantuan dan kehendak Allah Subhanahu Wata'ala. Dialah pencipta manusia, jin, syaitan dan seluruh makhluk di seluruh alam semesta ini dan hanya kepada-Nya tempat berlindung dan berserah daripada apa sahaja kejahatan dan keburukan.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman :
Tafsirnya : "Dan jika engkau digoda oleh suatu godaan daripada syaitan maka mintalah perlindungan kepada Allah, sesungguhnya Dia Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui". (Surah al-'A'raf : 200)

Kaifiat Serta Beberapa Isu Dan Permasalahan Membaca *Isti'azah* Kerana Membaca Al-Quran Di Luar Sembahyang

(i) Hukum *waqaf* pada *isti'azah*.
Harus hukumnya *waqaf* atau berhenti setelah membaca *isti'azah* kemudian membaca *Basmalah* atau ayat Al-Quran yang lain dengan nafas yang baharu.

Harus juga hukumnya menyambung bacaan *isti'azah* dengan apa sahaja ayat selepasnya, sama ada *Basmalah* atau ayat-ayat yang lain.

Bagaimanapun, menurut Imam ad-Dani serta Imam Abu Ja'far bin al-Badzish Rahimahumullah, menyambung dengan *Basmalah* adalah kaedah bacaan yang lebih sempurna.

Adapun jika ayat yang dibaca selepas *isti'azah* itu adalah ayat selain daripada *Basmalah*, maksudnya di sini dia tidak membaca *Basmalah* selepas membaca *isti'azah*, maka *waqaf* pada *isti'azah* adalah lebih baik daripada menyambung dengan ayat tersebut.

(ii) *Isti'azah* sunat dibaca ketika hendak membaca Al-Quran sama ada orang itu membaca dari awal surah atau pada mana-mana ayat selepasnya.


(iii) Sunat membaca *isti'azah* secara *jahar* (*nyaring*) di luar sembahyang sekiranya dia membaca Al-Quran secara *jahar*. Sebaliknya, jika dia membaca Al-Quran di luar sembahyang secara *sirr*, iaitu bacaan secara perlahan yang hanya dapat didengar oleh diri sendiri, maka dia disunatkan untuk membaca *isti'azah* secara *sirr* juga.

Dalam hal ini, menurut Imam Ibnu Hajar al-Haitami Rahimahullah, bacaan *isti'azah* secara *jahar* itu khusus dalam keadaan di mana terdapat orang lain yang berada berdekatan dengannya. Ini dengan tujuan supaya mereka itu diam untuk mendengar bacaannya agar mereka tidak terlepas daripada mendapat manfaat, pahala dan sebagainya daripada bacaannya itu.

Ini bermaksud, sekiranya dia membaca Al-Quran di suatu tempat seorang diri, maka dia disunatkan untuk membaca *isti'azah* secara *sirr* sahaja sama ada dia membaca Al-Quran secara *sirr* atau *jahar*.

(iv) Dalam satu *halaqah* Al-Quran yang membaca secara beramai-ramai atau berkumpul, sepertimana keadaan bacaan takhtim atau tadarus, adakah dituntut dan disunatkan *isti'azah* ke atas setiap ahli *halaqah* atau memadai ia dibaca oleh sebahagian daripada mereka?

Menurut Imam Ibnu al-Jazari Rahimahullah, pendapat yang tepat adalah *isti'azah* dituntut dan disunatkan ke atas setiap ahli *halaqah*. Ini kerana tujuan membaca *isti'azah* adalah bagi meminta perlindungan dan peliharaan Allah Subhanahu Wata'ala daripada kejahatan dan tipu daya syaitan. Ia perlu dibaca oleh setiap individu dan tidak memadai bacaan *isti'azah* seseorang untuk seseorang yang lain sepertimana tidak



IRSYAD HUKUM

جِبَاتٌ مِّنْ فَتَنِ كَرِيمٍ
بِإِذْنِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

memadai bacaan *Basmalah* seseorang untuk orang lain ketika makan bersamasamanya.

Dalam bacaan seperti dalam *halaqah* ini, sekiranya ahli *halaqah* itu membaca Al-Quran secara bergilir-gilir seorang demi seorang, hanya pembaca pertama yang dituntut membaca *isti'azah* secara *jahar*. Adapun pembaca seterusnya pula adalah memadai membacanya secara *sirr* sahaja.

(v) *Isti'azah* hanya disunatkan sebagai *muqaddimah* atau pembuka bacaan Al-Quran sahaja. Oleh itu, sekiranya seseorang itu sudah membaca *isti'azah* sebelum membaca suatu surah, lalu selepas membaca ayat-ayat tersebut dia membaca ayat dari surah yang lain pula, maka dia tidak disunatkan untuk membaca *isti'azah* ketika hendak membaca ayat dari surah yang lain itu.

(vi) Sekiranya seorang yang sedang membaca Al-Quran memutuskan bacaannya, adakah dituntut atasnya mengulangi *isti'azah* atau memadai *isti'azah* yang dibacanya sebelum itu?

Dalam hal ini, terdapat perbezaan hukum berdasarkan sebab kenapa dia memutuskan bacaannya itu. Sekiranya dia memutuskan kerana soal jawab atau percakapan yang berkaitan dengan bacaan Al-Quran, maka tidak perlu dia mengulangi bacaan *isti'azah*nya.

Begitu juga sekiranya dia melakukan sujud tilawah ketika membaca Al-Quran kerana membaca ayat-ayat *sajadah*. Perbuatan ini tidak perlu membaca semula *isti'azah* sekiranya dia menyambung membaca Al-Quran selepas itu.

Bagaimanapun, sekiranya dia memutuskan bacaan kerana percakapan *ajnabi* (yang tidak kena mengena dengan bacaan Al-Quran), walaupun hanya satu perkataan, termasuk juga dalam hal ini menjawab salam seseorang, maka hendaklah dia membaca semula bacaan *isti'azah*nya itu.

Sekiranya bacaannya terputus kerana diam yang panjang, maka menurut Imam an-Nawawi Rahimahullah, hendaklah dia membaca semula *isti'azah*. Sekiranya diamnya itu tidak panjang, maka tidak perlu dia membacanya semula.

Bagaimanapun, sekiranya diamnya itu adalah diam yang tidak panjang, akan tetapi diamnya itu dilakukan dengan niat untuk berhenti membaca Al-Quran, lalu selepas itu dia hendak menyambung semula bacaannya, maka dalam hal ini dia hendaklah membaca semula *isti'azah* itu.

Demikian beberapa penjelasan mengenai permasalahan *isti'azah* ketika membaca Al-Quran di luar sembahyang dari sudut hukum, hikmah dan isu-isu mengenainya. Mudah-mudahan penjelasan ini akan dapat menambahkan ilmu dan pengetahuan kita mengenai kitab suci Al-Quran terutamanya mengenai tuntutan *isti'azah* ketika membacanya.

'SEBAGAI persediaan sebelum membaca kalam Allah Subhanahu Wata'ala dengan meminta perlindungan dan pemeliharaan-Nya daripada berlaku sebarang kekurangan atau kecacatan atau kesalahan ketika membacanya. Ini merupakan suatu ikrar dan pengakuan daripada pembaca Al-Quran bahawa kekuasaan itu adalah milik mutlak Allah Subhanahu Wata'ala'.

...Sekitar Perkampungan Sivik Lepas Ijazah...

Pastikan bagasi belayar dibungkus sendiri



PEGAWAI Adat Istiadat semasa menyampaikan taklimat mengenai 'Terasul dan Bahasa Dalam'.

TEMBURONG, Selasa, 11 Februari. - Sindiket Dadah Antarabangsa menggunakan warga tempatan untuk menjadi keldai dadah, tidak terkecuali menyasarkan kepada penuntut-penuntut yang belajar di luar negeri.

Pegawai Narkotik dari Cawangan Pendidikan Pencegahan Dadah, Biro Kawalan Narkotik, Awang Haji Mohd Eddey bin Haji Md. Zain mengongsikan perkara tersebut semasa menyampaikan taklimat mengenai kepada Peserta-peserta Perkampungan Sivik Lepas Ijazah (PSLI) di

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman

Pusat Belia, Bangar, di sini. Menurutnya, terdapat kes warga tempatan yang terjebak dengan taktik sindiket tersebut dan ditangkap di China, Australia, dan Chile, kerana terpedaya dengan taktik seperti berkenalan melalui lawan web sembang, dan ditawarkan kerja dengan gaji lumayan, tanpa menyedari diri dipergunakan untuk menjadi pembawa (kurier) dadah.

Oleh itu, nasihatnya, kita hendaklah memastikan bagasi yang kita bawa untuk belayar dibungkus sendiri, bukan oleh orang lain, dan jangan menerima barang-barang kiriman yang tidak diketahui apa kandungannya, mahupun dari orang yang kita kenali.

Perkampungan diteruskan dengan taklimat bertajuk 'Terasul dan Bahasa Dalam' disampaikan oleh Pegawai Adat Istiadat, Awang Mohammad Zaizul bin Haji Daud dari Jabatan Adat Istiadat Negara.

Terasul merupakan gabungan nama atau susunan perkataan yang indah dan mulia bunyinya yang dahulu disebut sebelum menyebut nama gelaran kemudian diikuti oleh nama sebenar seseorang.

Manakala "Bahasa Dalam" bagi masyarakat Melayu Brunei tradisional sering menyebutnya



PARA Peserta Perkampungan Sivik Lepas Ijazah semasa mendengarkan taklimat yang disampaikan.

sebagai Bahasa Raja-Raja atau Bahasa Istana, namun dalam konteks negara kita ianya juga digunakan ke atas orang-orang tertentu yang disampiri gelaran dan memegang jawatan penting dalam kemasyarakatan.

Para peserta diingatkan untuk peka dengan penggunaan terasul semasa berdatang sembah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, menggunakan pembungkus kalimat dan menggunakan kata pengganti diri yang betul.

Selain itu juga dikongsikan

beberapa terasul untuk kerabat-kerabat diraja yang lain, dan orang-orang yang diberikan gelaran.



PEGAWAI Narkotik dari Cawangan Pendidikan Pencegahan Dadah, Biro Kawalan Narkotik mengongsikan mengenai Sindiket Dadah Antarabangsa yang menggunakan warga tempatan untuk menjadi keldai dadah.

Ilmu diperoleh dapat memupuk jati diri

yang berinti patikan kejatian diri dapat menanam kefahaman mengenai institusi kerajaan dan berharap dengan penglibatan peserta dalam program seperti ini akan dapat memanfaatkan peluang yang diberikan dan menimba ilmu dan pengalaman melalui lawatan dan aktiviti yang diadakan.

"Dengan mengadakan lawatan ke beberapa Majlis Perundingan Kampung (MPK), diarahkan para peserta tidak melepaskan peluang menimba ilmu dan bertukar pandangan dengan ahli-ahli, ianya dapat membuka mata dan minda peserta mengenai struktur pentadbiran mukim dan kampung, struktur MPK dan program 1 Kampung 1 Produk (1K1P).

Dalam hubungan ini, *sharing session* secara terbuka dan santai juga diadakan pada majlis ini bersama rakan-rakan strategik jabatan daerah iaitu pemimpin-pemimpin akar umbi untuk sama-sama berinteraksi membantu memberikan pencerahan kepada persoalan yang mungkin timbul.

Saya percaya ilmu-ilmu yang diperoleh akan dapat memupuk jati diri sebagai aset negara dan menjadi pemimpin di masa hadapan di pelbagai bidang," tambahnya.

Para peserta kemudian menyaksikan bahan-bahan pameran dan aktiviti jualan daripada beberapa masyarakat di daerah Temburong yang hadir pada majlis tersebut.



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong menyampaikan ucapan bagi mengalu-alukan rombongan Peserta Perkampungan Sivik Lepas Ijazah.

TEMBURONG, Selasa, 11 Februari. - Rombongan Peserta Perkampungan Sivik Lepas Ijazah (PSLI) mengadakan lawatan ke Jabatan Daerah Temburong dan seterusnya membuat kunjungan hormat kepada Pemangku Pegawai Temburong sebagai salah satu pengisian program di daerah ini.

Hadir mengalu-alukan ketibaan peserta, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Ghani bin Haji Othman. Dalam kunjungan itu, beliau menyampaikan ucapan penghargaan kepada penganjur dan juga peserta kerana memilih Daerah Temburong sebagai lokasi perkampungan.

Beliau percaya, program

Pelihara, pertahankan MIB walau di mana berada



PEMANGKU Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja mengongsikan antara inti pati konsep Melayu Islam Beraja kepada Peserta Perkampungan Sivik.

TEMBURONG, Selasa, 11 Februari. - Konsep Melayu Islam Beraja (MIB) merupakan tunjang kepada asuhan pemikiran dan pembentukan sikap kehidupan orang Brunei yang taat beragama, setia kepada raja, serta rajin berusaha dengan meneliti semua sifat dan nilainya secara positif.



WAKIL Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama menyampaikan taklimat mengenai Perintah Kanun Hukum Jenayah Syariah 2013 kepada peserta.

Sebagai konsep negara, setiap rakyat dan penduduk mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk mengamalkan, memelihara dan mempertahankannya pada setiap saat dan ketika, walau di mana mereka berada.

Huraian mengenai takrif MIB disampaikan oleh Pemangku

Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi MIB, Dr. Haji Ramlee bin Haji Tingkong, untuk Peserta Perkampungan Sivik Lepas Ijazah (PSLI) yang berlangsung di Pusat Belia, Bangar.

Dalam taklimatnya, unsur-unsur mendasari MIB itu berkaitan dengan semangat kebangsaan, menghayati Islam, memperkasa identiti dan nilai budaya, ikatan dan kesetiaan berbangsa, serta pembangunan dan kecemerlangan.

Program PSLI kemudian diteruskan dengan taklimat dari Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama berkenaan Perintah Kanun Hukum Jenayah Syariah 2013 (PKHJS) disampaikan oleh Dayang Noor Diana Hayati binti Haji Awang, Pegawai Perundangan Syariah.

Antara yang dikongsikan pada sesi taklimat tersebut ialah fasa-fasa pelaksanaan PKHJS sejak pewartannya pada 22 Oktober 2013, pelaksanaan fasa pertama pada 1 Mei 2014, sehingga pelaksanaan penuh pada 3 April 2019.

Taklimat juga diisikan dengan hukuman-hukuman dan contoh-contoh jenayah yang boleh dikenakan denda dan hukuman di bawah PKHJS.

...Sekitar Perkampungan Sivik Lepas Ijazah...

Belia bertanggungjawab membangun negara berlandaskan MIB



TEMBURONG, Isnin, 10 Februari. - Peserta Perkampungan Sivik Lepas Ijazah (PSLI) diperingatkan tentang tanggungjawab masing-masing dalam membangunkan Negara Brunei Darussalam dengan sentiasa mematuhi pemerintah dan undang-undang negara, tanpa mengabaikan falsafah Melayu

KETUA Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan mengingatkan para peserta akan tanggungjawab yang dipikul oleh para belia dalam membangun negara.

Islam Beraja (MIB) yang menjadi lambang identiti rakyat negara ini.

Perkara tersebut merupakan antara pengisian taklimat bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab Rakyat Kepada Negara' disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris.

Beliau terlebih dahulu memulakan taklimat menggunakan petikan kata-kata hikmat bekas Presiden Amerika Syarikat, John F. Kennedy iaitu "Jangan tanya apa yang negara patut buat kepada kamu (rakyat) tetapi tanya diri sendiri

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

apa yang patut kamu buat kepada negara".

Oleh itu, belia bertanggungjawab untuk taat setia kepada raja, menghormati dan mematuhi perlembagaan dan pelbagai undang-undang negara, mendaulatkan sistem pemerintahan beraja, mengiktiraf dan menghormati bahasa Melayu dan agama Islam, dan mendukung falsafah MIB dan Wawasan Brunei 2035 serta mewujudkan perasaan cinta dan setia kepada negara.

Selain itu, tanggungjawab kepada masyarakat juga terkandung dalam taklimat

tersebut yang menyentuh mengenai penglibatan diri dalam kegiatan-kegiatan badan kebajikan dan persekutuan setempat seperti acara keagamaan dan sosial peringkat kampung, mukim dan daerah, dengan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pemimpin-pemimpin masyarakat setempat seperti penghulu dan ketua kampung.

PSLI kali pertama pada tahun 2020 ini menerima penyertaan seramai 15 peserta terdiri daripada lepasan ijazah dari dalam dan luar negeri yang menjalani perkampungan di Pusat Belia, Bangar, Temburong.

Jayakan Wawasan Brunei 2035

TEMBURONG, Isnin, 10 Februari. - Belia berperanan untuk menyumbang kepada menjayakan Wawasan Brunei 2035 yang mempunyai tiga matlamat utama iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; kualiti hidup yang tinggi, serta ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Beberapa contoh yang boleh disumbangkan oleh belia dikongsikan oleh wakil Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, Jabatan Perdana Menteri, Dayang Amalina binti Haji Awang Tengah dalam taklimat mengenai pemaparan wawasan tersebut untuk peserta Perkampungan Sivik Lepas Ijazah (PSLI) di Pusat Belia, Bangar, di sini.

Antara contoh ialah mempelajari pelbagai bidang dan kemahiran, mengamalkan gaya hidup sihat, membantu ibu bapa, orang tua dan jiran-jiran, aktif dan melibatkan diri dalam NGOs, jimat dalam penggunaan air dan elektrik serta memastikan alam sekitar terjaga.

Selain itu, dengan menyokong dan membeli produk tempatan, mengamalkan budaya menyimpan wang (savings) dan mengurus perbelanjaan dengan bijak, dapat meningkatkan aktiviti ekonomi negara bagi mencapai pertumbuhan dan kestabilan ekonomi yang mampan.

Namun juga diingatkan, dalam mengejar wawasan tersebut supaya kita tidak lupa dengan nilai-nilai teras Melayu Islam Beraja yang menjadi pegangan kita selaku rakyat Negara Brunei Darussalam.



WAKIL Sekretariat Wawasan Brunei 2035 mengongsikan antara contoh yang belia boleh lakukan selaku pewaris masa depan dalam meyakong Wawasan Brunei 2035.



PESERTA Perkampungan Sivik Lepas Ijazah berpeluang mengajukan soalan kepada wakil-wakil agensi yang dijemput untuk memberikan taklimat pada program tersebut.



PARA peserta semasa mendengarkan taklimat yang diadakan di Pusat Belia, Bangar Temburong sebagai pengisian program berkenaan.

Peserta PSLI didedahkan inisiatif EODB



WAKIL Sekretariat Ease of Doing Business, Kementerian Kewangan dan Ekonomi menyampaikan taklimat mengenai Ease of Doing Business pada Perkampungan Sivik Lepas Ijazah Kali Pertama Tahun 2020 di Pusat Belia, Bangar, Temburong.

TEMBURONG, Isnin, 10 Februari. - Peserta Perkampungan Sivik Lepas Ijazah (PSLI) kali pertama tahun 2020 didedahkan kepada inisiatif Ease of Doing Business (EODB) sebagai salah satu pengisian program perkampungan tersebut.

Jawatankuasa Pandu EODB diperkenankan penubuhannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Mac 2011 bagi tujuan memudah cara bisnes di negara ini dan juga untuk meningkatkan kedudukan negara dalam indeks pencapaian EODB Bank Dunia.

Dalam taklimat mengenainya, wakil Sekretariat EODB, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dayang Hajah Yuria Abyana binti Haji Ahmad mengongsikan fungsi-fungsi utama EODB serta matlamat-matlamat yang perlu dicapai dalam mempermudah permulaan perniagaan di negara ini, daripada peringkat perniagaan mikro, kecil dan sederhana sehingga ke peringkat pelabur asing.

Beliau juga mengongsikan portal businessBN di laman sesawang www.business.gov.bn yang merupakan perkhidmatan seluruh kerajaan yang bertujuan untuk menyediakan maklumat penting kepada para peniaga dan orang ramai mengenai perkhidmatan kerajaan dan pembaharuan berkaitan dengan perniagaan di Brunei Darussalam.

Para peserta juga berkesempatan mengajukan beberapa soalan kepada pegawai pemberi taklimat untuk mengetahui maklumat lebih lanjut mengenai EODB.

...Sekitar Perkampungan Sivik Lepas Ijazah...

Lawatan ke MPK, Temburong



BATANG pohon Rumbia dipotong menjadi saiz kecil yang merupakan bahan asas sebelum ia dikisar bersama air bagi proses pembuatan Ambulong, iaitu produk keluaran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Batu Apoi.



SEORANG Ahli Biro Wanita MPK Senukoh menunjukkan cara-cara penyediaan mi kuning sebelum pembungkusan kepada para Peserta Perkampungan Sivik Lepas Ijazah (PSLI) yang mengadakan lawatan ke kampung tersebut.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TEMBURONG, Isnin, 10 Februari. - Pelbagai program disediakan untuk mempersiapkan belia negara mengharungi cabaran masa depan sebagai generasi berwawasan, berkualiti, memiliki kemahiran yang tinggi serta mampu berdikari tanpa mengharap bantuan orang lain.

Sehubungan itu, Peserta Perkampungan Sivik Lepas Ijazah (PSLI) yang menyertai perkampungan tersebut di Daerah Temburong diatarkan untuk membuat lawatan ke beberapa

buah kampung bagi mengenal dan mempelajari lebih dekat produk-produk keluaran Majlis Perundingan Kampung (MPK) yang dilawati.

Lawatan dimulakan di MPK Senukoh, Mukim Labu yang mengeluarkan produk mi kuning sejak November 2008 dan mi kering sejak April 2010, dikendalikan oleh ahli-ahli Biro Wanita MPK Senukoh secara tetap.

Penerangan mengenai projek pembuatan mi terdahulu

disampaikan oleh Ketua Kampung Senukoh, Awang Yusof bin Haji Maidin yang mengongsikan sejarah awal projek perekonomian yang berkonsepkan Satu Produk Satu Kampung (1K1P) tersebut.

Para peserta berkesempatan menyaksikan proses penggaulan bahan-bahan mentah sehingga proses memasak dan pembungkusan di lokasi pembuatan mi yang dilengkapi dengan mesin-mesin bantuan daripada kerajaan.

Lawatan seterusnya ke kilang pemrosesan Ambulong yang terletak di tebing Sungai Batu

Apoi yang merupakan produk 1K1P MPK Batu Apoi sejak tahun 2008.

Pengerusi MPK Batu Apoi, Awang Haji Daud bin Haji Masri dan pekerja-pekerja terdiri daripada belia dan beliawanis kampung menunjukkan proses pembuatan daripada memotong pohon Rumbia, pengisaran dan penapisan air yang mengandungi Sagu Rumbia sebelum dimendapkan dan dibersihkan untuk proses pengeringan dan pembungkusan Ambulong.

Lawatan diteruskan ke tempat proses pembuatan mini karipap. Di sini, para peserta diberi pendedahan mengenai proses pembuatan mini karipap yang dihasilkan oleh MPK Menengah, bertempat di balai raya kampung berkenaan.

Pemangku Ketua Kampung Menengah, Mejar (B) Ampuan Hussain bin Ampuan Mattahir mengalu-alukan rombongan peserta dan mengongsikan sejarah awal pemilihan karipap sebagai produk 1K1P.

Peserta kursus juga berpeluang membuat mini karipap dengan tunjuk ajar daripada Ahli-ahli Biro Wanita MPK yang hadir.

Melalui pendedahan-pendedahan begini, setiap peserta sentiasa berperanan dalam mendukung matlamat dan aspirasi negara dengan cara memberikan sumbangan-sumbangan positif juga melibatkan diri secara langsung, apatah lagi sebagai seorang yang lebih intelektual, berfikiran matang dan menjadi model insan dalam menjalani kehidupan seharian.

Mempertahankan khazanah warisan seni Gulintangan

Oleh : Muhammad Akmal Haji Ali
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Temburong

BANGAR, Isnin, 10 Februari. - Bagi membentuk dan membina belia sebagai generasi penerus dan memastikan warisan seni budaya Melayu sentiasa dipertahankan dan dipelihara, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Selangan,

Parit dan Biang Menengah mengendalikan Bengkel Gulintangan Kali Pertama, bertempat di Dewan Serbaguna, Tingkat 2, Kompleks Utama Bumiputera, Pekan Bangar Temburong.

Bengkel selama tiga hari, yang bermula pada Jumaat tersebut diakhiri dengan Majlis Penutup Bengkel Gulintangan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada 19 peserta ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Ghani bin Haji Othman.

Bengkel tersebut merupakan

satu inisiatif MPK Selangan, Parit dan Biang Menengah bagi memberikan peluang, khususnya kepada belia-belia Daerah Temburong atau penduduk kampung dalam mempelajari tradisi yang semakin dilupakan terutama dalam kalangan golongan muda.

Antara tujuan bengkel itu diadakan adalah untuk para belia khususnya belia di Daerah Temburong menanam rasa kepunyaan terhadap warisan seni budaya Brunei, di samping menambah ilmu pengetahuan dalam seni tradisi, di mana belia adalah generasi, seterusnya yang bakal mempertahankan khazanah warisan seni budaya Brunei.

Selain itu, ia juga untuk mengekalkan alat muzik tradisional, iaitu gulintangan agar

tidak pupus kerana ia budaya tradisi yang diwarisi sejak turun temurun juga memberikan ruang kepada Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung untuk mewujudkan kumpulan pemain-pemain muzik untuk warisan generasi yang akan datang.

Majlis turut dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, selaku Penghulu Mukim Bokok dan Pemangku Penghulu Mukim Amo; Penolong Pegawai Daerah, Awang Mohamad Khairul Shahrul bin Haji Duahim; Penghulu-penghulu Mukim; dan Ketua-ketua Kampung bersama peserta-peserta dan jurulatih-jurulatih Bengkel Permainan Gulintangan.



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong (depan, tiga kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Bengkel Gulintangan Kali Pertama.



PERSEMBAHAN Gulintangan memeriahkan lagi majlis berkenaan.



**JABATAN PENTADBIRAN
DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**



KETERANGAN :
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR JAMUAN HARIAN MAKAN TENGAH HARI SECARA TAPAU BAGI PROGRAM HARAPAN SEKOLAH RENDAH NAKHODA ABDUL RASHID MENUNGGOL, DAERAH BRUNEI DAN MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM [BAGI KOD BLOK : PH/T2].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 106 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KEPERLUAN-KEPERLUAN PEMAKANAN (MAKAN TENGAH HARI) BAGI PROGRAM HARAPAN SEKOLAH RENDAH MERANGKING, DAERAH BELAIT KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM [BAGI KOD BLOK : PH/T3].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 107 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENSU BAGI PROGRAM HARAPAN :
1. SEKOLAH RENDAH ABDUL RASHID TANJONG MAYA
2. SEKOLAH RENDAH KAMPUNG MENENGAH DAERAH TUTONG KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM [BAGI KOD BLOK : PH/ST6].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 108 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENSU BAGI PROGRAM HARAPAN : SEKOLAH RENDAH PANAGA, DAERAH BELAIT, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM [BAGI KOD BLOK : PH/ST8].

SEBUT HARGA RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH-SEKOLAH BAHAGIAN PROGRAM HARAPAN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 103 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR JAMUAN HARIAN SARAPAN PAGI SECARA TAPAU BAGI PROGRAM HARAPAN
1. SEKOLAH RENDAH PANCHONG
2. SEKOLAH RENDAH BENUTAN
3. SEKOLAH RENDAH KAMPUNG BUKIT DAERAH TUTONG, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM [BAGI KOD BLOK : PH/S6].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 104 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KEPERLUAN-KEPERLUAN PEMAKANAN (SARAPAN PAGI) BAGI PROGRAM HARAPAN SEKOLAH RENDAH SEMABAT, DAERAH TEMBURONG, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM [BAGI KOD BLOK : PH/S7].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 105 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 109 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENSU BAGI PROGRAM HARAPAN :
1. SEKOLAH RENDAH PUNI
2. SEKOLAH RENDAH SULTAN HASHIM, BATU APOI
3. SEKOLAH RENDAH RATAIE DAERAH TEMBURONG KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM [BAGI KOD BLOK : PH/ST9].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 110 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENSU BAGI PROGRAM HARAPAN : SEKOLAH RENDAH SERASA, MUARA DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN PENDIDIKAN, [BAGI KOD BLOK : PH/ST11].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 111 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENSU BAGI PROGRAM HARAPAN SEKOLAH RENDAH ORANG KAYA ALI WANIK SETIA DIRAJA, DAERAH TUTONG, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM [BAGI KOD BLOK : PH/ST12].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 112 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MINUMAN KOTAK TENSU BAGI PROGRAM HARAPAN : SEKOLAH RENDAH LABU ESTATE, DAERAH TEMBURONG KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM [BAGI KOD BLOK : PH/ST13].
BAGI TEMPOH ENAM [6] BULAN

BAYARAN YURAN / DOKUMEN SETIAP SEBUT HARGA :
BND5.00 [Bayaran dokumen tawaran tidak dikembalikan]

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
22 FEBRUARI 2020
[Tidak lewat jam 2.00 Petang]



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : III, IV & V KATEGORI : KA01 SAHAJA - (KOD BAHARU)

Tarikh Tutup :
Selasa, 10 Mac 2020
tidak lewat jam 2.00 Petang

BILANGAN :
JKR / DTS / 05 / BKTKS / 2020 - T/IV
Nama Projek :
KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH TANAH SUSUR DI TANGKI AIR KG. SG. HANCHING

No. Projek :
JKR/ BKT - KB/ BM 1394

YURAN TAWARAN : BND100.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI**

PEMELIHARAAN KEBERSIHAN DALAM DAN LUAR BANGUNAN SERTA KAWASAN KELAB PERKHIDMATAN AWAM, KAMPUNG MENTIRI BAGI TAHUN 2020-2023 (3 TAHUN)

Bilangan tawaran :
JPA / KPA / TEND / 01 / 2020

MEMBEKAL BAHAN-BAHAN KIMIA BAGI KOLAM RENANG KELAB PERKHIDMATAN AWAM, KAMPUNG MENTIRI BAGI TAHUN 2020-2023 (3 TAHUN)

Bilangan tawaran :
JPA / KPA / TEND / 02 / 2020

Tarikh tutup tawaran :



Selasa,
18 Februari 2020



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : II & III SAHAJA KATEGORI : KA01 SAHAJA - (KOD BAHARU)

Tarikh Tutup :
Selasa, 10 Mac 2020
tidak lewat jam 2.00 Petang

BILANGAN :
JKR / DBSKB 002 / 2020
Nama Projek :
MENAIK TARAF DAN MEMPERBAHARUI PERALATAN-PERALATAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL LOJI-LOJI KUMBAHAN
No. Projek : 2019ADKB / B00411 / 002-003-03

YURAN TAWARAN : BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)





KEMENTERIAN
PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 49 / 2019

SUPPLY, INSTALL, TESTING AND
COMMISSIONING 2 NOS OF LIFT
AT LOGISTIC STORE BOLKIAH
GARRISON

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

KELAS : SPECIALIST

KATEGORI : KPME02

TEMPOH PENYIAPAN :
ENAM (6) BULAN

TARIKH TUTUP :
Selasa,
18 Februari 2020
tidak lewat
jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA
RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN



DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN DI DALAM
KELAS : III (II, III & IV) SAHAJA
KATEGORI :
KA02 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH TUTUP :
17 MAC 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00
PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DDS / 03 / 2020 - (CDE).T. III

NAMA PROJEK :
MENAMBAH KAPASITI STESEN
PAM PANAGA (PS2)

YURAN TAWARAN :
BND50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN DI DALAM
KELAS : II & III
KATEGORI :
KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH TUTUP :
10 MAC 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DTS / 04 / BKTKS /
2020 - T / II

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH
TANAH SUSUR DI KAWASAN
KUBUR JAT KALANGURU,
SIMPANG 1769
KG. TANJUNG NANGKA,
MUKIM SENKURONG



NO. PROJEK : (249 / 12) JKR / BKT -
KB / BM 1189

YURAN TAWARAN :
BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 51 / 2019

REPLACEMENT OF OVERHEAD
CABLES AND OTHER RELATED
WORKS IN BOLKIAH GARRISON

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

KELAS : III & KE ATAS

KATEGORI : E01 and E02
TEMPOH PENYIAPAN :
DUA BELAS (12) BULAN

TARIKH TUTUP :
Selasa, 18 Februari 2020
tidak lewat jam 2.00 Petang



JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN KANTIN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 113 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
TUNGKU, KLUSTER 1,
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 114 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH
RENDAH PUNI, KLUSTER 1,
DAERAH TEMBURONG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 115 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
SABA DARAT, KLUSTER 2,
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 116 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
MASIN, KLUSTER 2
DAERAH BRUNEI DAN MUARA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 117 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
DATO OTHMAN, KAMPUNG
PERPINDAHAN LAMBAK KIRI,
KLUSTER 3,
DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 118 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
AMAR PAHLAWAN, KLUSTER 3,
DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 119 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH
RENDAH KIUDANG
KLUSTER 4, DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA
[3] TAHUN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 120 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN

KANTIN BAGI :
SEKOLAH RENDAH DATO MOHD
YASSIN, KAMPUNG PERPINDAHAN
MENTIRI, KLUSTER 4,
DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 121 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
PERPINDAHAN BUKIT BERUANG,
KLUSTER 5, DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 122 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
PENAPAR, KLUSTER 5,
DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 123 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
ABDUL RASHID TANJONG MAYA,
KLUSTER 5, DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 124 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
SUNGAI TALI, KLUSTER 6,
DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BILANGAN SEBUT HARGA :
DA / JKSH / 125 / 2019 / 2020
[BPPA-FEB-2020]

KETERANGAN :
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH
PENGIRAN SETIA JAYA
PENGIRAN ABDUL MOMIN,
KLUSTER 6, DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SETIAP SEBUT HARGA :
BND5.00 [Bayaran dokumen tawaran
tidak dikembalikan]

TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
29 FEBRUARI 2020
[Tidak lewat jam 9.00 Pagi]





**JABATAN DAERAH TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**JABATAN DAERAH TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**JAWATAN KOSONG SEBAGAI
KETUA KAMPUNG TINGKAT I PMKK.3
(BND2,270.00 - BND4,240.00)
atau
KETUA KAMPUNG TINGKAT II
PMKK.2
(BND1,990.00 - BND2,970.00)
atau
KETUA KAMPUNG TINGKAT III
PMKK.1
(BND1,280.00 - BND2,270.00)
bagi**

DAERAH TEMBURONG

1. Kampung Menengah, Mukim Bangar
2. Kampung Belingos, Mukim Bangar
3. Kampung Puni dan Batang Tuau, Mukim Bangar
4. Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah, Mukim Amo
5. Kampung Sumbiling dan Sibut, Mukim Amo
6. Kampung Batu Apoi, Mukim Batu Apoi
7. Kampung Selapon, Mukim Batu Apoi
8. Kampung Belais dan Buda-Buda, Mukim Bokok
9. Kampung Lepong Baru, Mukim Bokok
10. Kampung Rataie, Mukim Bokok
11. Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, Mukim Bokok

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Temburong bagi kampung yang tersenarai di atas bagi untuk menghadapi pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung.

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN
CALON KETUA KAMPUNG**

1. Calon Ketua Kampung hendaklah :

(i) Seorang lelaki yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(ii) Berumur tidak kurang tiga puluh (30) tahun dan tidak lebih lima puluh lima (55) tahun pada tarikh pencalonan diadakan.

(iii) Mempunyai pengetahuan baik dalam Agama Islam, kemasyarakatan dan adat istiadat dan resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan.

(iv) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian dan prihatin.

(v) Calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau di pihak swasta mestilah mendapat sokongan kuat dari Ketua Jabatan atau Majikannya, serta mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG adalah merupakan satu kelebihan.

(vi) Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan akan dibersarakan jika dilantik sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati

faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.

(vii) Calon hendaklah tinggal menetap dan mempunyai rumah kediaman sendiri atau tinggal bersama di rumah kediaman kepunyaan ibu bapanya di kampung ia memohon sebagai Ketua Kampung tidak kurang dua (2) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan.

(viii) Calon yang tidak memenuhi syarat di 1 (vii) di atas hendaklah terdiri daripada penduduk asal di kampung yang ia memohon untuk menjadi Ketua Kampung dan hendaklah tinggal dan menetap di kampung tersebut apabila dilantik sebagai Ketua Kampung sama ada di rumah kediaman sendiri atau rumah kediaman ibu bapanya di kampung berkenaan.

(ix) Disahkan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar dan diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sihat tubuh badan sebelum majlis pemilihan dan pengundian dan berupaya menjalankan tugas-tugasnya sebagai seorang Ketua Kampung.

(x) Bersih dan bebas daripada semua tapisan keselamatan, rekod-rekod jenayah, mana-mana tindakan tatatertib dan disiplin semasa berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan atau di pihak swasta atau dalam mana-mana badan atau pertubuhan dan yang berkenaan.

(xi) Tidak diisytiharkan sebagai seorang Muflis di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di dalam dan luar negara dalam tempoh dua (2) tahun sebelum tarikh tutup pencalonan.

(xii) Bagi jawatan **KETUA KAMPUNG TINGKAT I** dengan tangga gaji **PMKK.3**, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (OND) atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

Atau

(d) Telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung Tingkat II tidak kurang selama lima (5) tahun. Mempunyai laporan penilaian prestasi SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG merupakan satu kelebihan.

(e) Telah mengikuti kursus dan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

(f) Telah bergiat aktif dalam projek-projek perekonomian kampung menerusi Satu Kampung Satu Produk semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat II.

(g) Telah menerajui kampungnya dalam menyertai Anugerah Kampung Cemerlang semasa memegang jawatan Ketua Kampung

Tingkat II.

(xiii) Bagi jawatan **KETUA KAMPUNG TINGKAT II** dengan tangga gaji **PMKK.2**, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) mata pelajaran peringkat Sijil Am Pelajaran Peringkat Lanjutan atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

Atau

(d) Telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung Tingkat II tidak kurang selama lima (5) tahun. Mempunyai laporan penilaian prestasi SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG merupakan satu kelebihan.

(e) Telah mengikuti kursus dan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

(f) Telah bergiat aktif dalam projek-projek perekonomian kampung menerusi Satu Kampung Satu Produk semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat III.

(g) Telah menerajui kampungnya dalam menyertai Anugerah Kampung Cemerlang semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat III.

(xiv) Bagi jawatan **KETUA KAMPUNG TINGKAT III** dengan tangga gaji **PMKK.1**, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran kredit peringkat Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

(xv) Syarat-syarat lain

(a) Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa dan di mana-mana saja.

(b) Hendaklah bersedia untuk menjadikan rumah kediamannya sebagai tempat perjumpaan dengan penduduk kampung.

(c) Syarat-syarat lain yang dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuat kuasa dari

semasa ke semasa.

**TATACARA PENCALONAN KETUA
KAMPUNG**

(1) Setiap pencalonan bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung mestilah dibuat mengikut tatacara berikut :

(a) i. Calon hendaklah dicalonkan dengan menggunakan Borang Pencalonan yang disediakan oleh Jabatan Daerah Temburong dengan ditandatangani oleh seorang Pencadang dan dua (2) orang Penyokong. Borang Pencalonan hendaklah juga ditandatangani oleh calon serta disahkan oleh Penghulu Mukim sebagai pernyataan pengakuan dan persetujuan ke atas pencalonannya;

Atau

ii. Apabila tidak ada pencalonan atau hanya seorang (1) calon yang dicalonkan melalui proses di Fasal (1)(a) i., ataupun calon-calon yang dikemukakan melalui Fasal (1)(a) i. setelah diperakukan / ditemu duga didapati tidak memenuhi kelayakan yang dikehendaki, maka Pegawai Daerah bolehlah mendapatkan cadangan calon-calon untuk dipertimbangkan bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung tersebut daripada Majlis Perundingan Kampung berkenaan.

(b) Penamaan calon atau calon-calon hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Daerah sebelum tarikh penutupan pencalonan dan sebarang penamaan calon selepas tarikh tutup pencalonan adalah tidak sah dan tidak diterima.

(c) Calon yang tidak menandatangani Borang Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon.

(d) Penarikan diri daripada pencalonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Daerah pada bila-bila masa sebelum tarikh pengundian.

2. Calon, Pencadang dan Penyokong

(a) Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam berumur tidak kurang lapan belas (18) tahun pada tarikh pencalonan.

(b) Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada penduduk kampung berkenaan dan tinggal menetap di kampung tersebut pada tarikh tutup pencalonan.

(c) Pencadang dan Penyokong hanya boleh mencadangkan dan menyokong seorang calon sahaja.

(d) Pencadang dan Penyokong boleh dicalonkan.

**TATACARA MENGHADAPKAN
BORANG PENCALONAN :**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :

**Unit Pentadbiran
Bahagian Institusi Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Temburong
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Selasa, 6 Syaaban 1441 bersamaan 31 Mac 2020, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 5221266 / 265 sambungan 119 / 126 / 128 atau +673 5221110.

Islam melarang arak, judi, zina, rasuah

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلولان قوسة دعوه اسلاميه

AL-QURAN kaya dengan panduan yang dapat membatasi diri manusia dan masyarakat daripada ditimpa sebarang kemudarat. Allah Subhanahu Wata'ala melarang meminum arak sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Maa'idah, ayat 90 - 91 yang tafsirnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan anak panah itu adalah (perbuatan) keji daripada perbuatan syaitan. Maka hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu

beroleh kemenangan (dan keberuntungan). Sesungguhnya syaitan itu mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian antara kamu dengan sebab (meminum) arak dan (bermain) judi dan menghalangi kamu daripada mengingati Allah dan mengerjakan sembahyang, maka tidakkah kamu mahu berhenti (daripada melakukan perbuatan keji itu?)"

Pengharaman arak ataupun minuman keras ini mempunyai hikmahnya tersendiri. Arak merupakan ibu segala kejahatan. Kesan arak atau apa jua minuman yang memabukkan boleh mengundang pelbagai kejahatan kemaksiatan kerana ia dilakukan di luar alam sadar. Arak atau minuman yang mengandungi alkohol yang lain mempunyai pengaruh negatif terhadap akal fikiran manusia. Ia mengakibatkan si peminumnya lupa diri sehingga boleh menjerumuskan dirinya melakukan maksiat atau malapetaka kepada dirinya dan

masyarakat.

Judi merupakan sesuatu yang diharamkan dalam syariat Islam sama ada berbentuk permainan, hiburan, undian dan sebagainya.

Dalam zaman moden yang serba canggih ini, judi dapat dijalankan dengan bantuan alat-alat kemudahan internet, telefon pintar, mesin-mesin slot, komputer dan sebagainya. Jika taruhan mengena, keuntungan akan diperoleh berlipat ganda dan jika tidak, sebaliknya akan berlaku.

Islam sangat menitikberatkan kemaslahatan umatnya. Setiap apa yang dilarang dalam Islam pasti mempunyai hikmah di sebaliknya. Perbuatan berjudi mungkin ada kalanya menguntungkan tetapi keburukannya adalah lebih besar sebagaimana yang dijelaskan dalam Surah al-Baqarah, ayat 219 yang tafsirnya :

"Mereka bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah : Pada kedua-duanya ada dosa besar dan ada pula manfaat-manfaatnya bagi manusia tetapi dosa kedua-duanya lebih besar daripada manfaatnya".

Antara hikmah kenapa judi diharamkan ialah :

- Harta yang diperoleh daripada berjudi bukanlah sesuatu yang halal kerana ia diperoleh tanpa usaha sendiri yang direndai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

- Perbuatan berjudi menjauhkan diri daripada bersifat jujur, adil, amanah dan boleh melahirkan rasa ketidakpuasan serta mengundang pergaduhan sesama pemain judi.

- Pihak yang menang mengaut keuntungan yang lumayan manakala pihak yang kalah mendapat kerugian yang boleh menyebabkan orang yang berjudi dibebani hutang.

- Seseorang yang ketagih judi boleh melaikan daripada menunaikan tanggungjawab terhadap keluarga dan agama.

Selain arak dan judi, Allah Subhanahu Wata'ala melarang melakukan zina sebagaimana yang dijelaskan dalam Surah al-Israa', ayat 32 yang tafsirnya :

"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan jalan yang buruk".

Zina merupakan satu perbuatan keji yang semakin berleluasa diperlakukan pada zaman moden ini. Al-Quran bukan hanya mengharamkan zina, bahkan

melarang sesiapa pun untuk menghampiri perbuatan yang boleh menjurus kepada perlakuan zina. Hikmah Allah mengharamkan zina itu kerana ia boleh merosak keturunan jika lahir anak daripada perzinaan tersebut, merosak keperibadian dan boleh menjerumuskan diri ke lembah kehinaan.

Bahkan dari sudut kesihatan, perbuatan seks secara bebas boleh mendatangkan pelbagai jenis penyakit yang boleh mengancam nyawa. Di samping itu, zina juga boleh melahirkan gejala sosial negatif yang boleh membawa kesan buruk terhadap agama, masyarakat dan negara.

Seterusnya Allah Subhanahu Wata'ala menegah perbuatan rasuah sebagaimana yang dijelaskan dalam Surah al-Baqarah, ayat 188 yang tafsirnya :

"Dan janganlah kamu makan harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa padahal kamu mengetahui salahnya".

Rasuah haram dalam syariat Islam dan ia merupakan musuh negara. Rasuah merupakan perbuatan menyogok bagi tujuan memancing mata orang yang disogok, sama ada berbentuk wang ringgit mahupun material. Sogokan diberi dengan adanya syarat yang tertentu. Si pemberi rasuah ini mengambil dan mencabul hak orang lain. Ia juga merupakan perbuatan mengkhianati amanah yang dipertanggungjawabkan serta mendatangkan mudarat kepada masyarakat secara umumnya.

Perbuatan rasuah mendatangkan keburukan dalam beberapa faktor, antara kesannya kepada individu iaitu ia boleh melahirkan perasaan tamak.

Selain itu, kesannya juga boleh menjejaskan pentadbiran negara kerana boleh melemahkan pengurusan dan pentadbiran, undang-undang dan penguatkuasaan kurang berfungsi. Apabila ini berlaku, masyarakat akan menjadi kucar-kacir dan tidak tenteram.

Sesungguhnya terselamatlah umat manusia yang hidup mengikut petunjuk dan ajaran Al-Quran. Sesungguhnya Al-Quran itu merupakan risalah sumber penyelamat di dunia dan di akhirat. Jika dada dipenuhi dengan Al-Quran seseorang itu tidak akan sesat dan disesatkan.

"RASUAH haram dalam syariat Islam dan ia merupakan musuh negara. Rasuah merupakan perbuatan menyogok bagi tujuan memancing mata orang yang disogok, sama ada berbentuk wang ringgit mahupun material. Sogokan diberi dengan adanya syarat yang tertentu. Si pemberi rasuah ini mengambil dan mencabul hak orang lain. Ia juga merupakan perbuatan mengkhianati amanah yang dipertanggungjawabkan serta mendatangkan mudarat kepada masyarakat secara umumnya".



رانيچر كافيلى اسيا تڤكارا دان جڤون

RANCANGAN KAPAL BELIA ASIA TENGGARA & JEPUN KE 47, 2020

THE 47th SHIP FOR SOUTHEAST ASIAN & JAPANESE YOUTH PROGRAMME

TARIKH TUTUP PERMOHONAN
7 MAC 2020, JAM 4:00 PETANG

FAKTA

- Bermula pada bulan Oktober hingga Disember 2020 (52 hari)
- Seramai 28 belia lelaki dan perempuan akan dipilih
- Program bermula dan berakhir di Negara Jepun
- Kapal singgah di negara-negara ASEAN yang terpilih

MATLAMAT

- Interaksi belia
- Menjalin persahabatan dan memupuk kesetiaan kerjasama
- Membuat jaringan kerjasama
- Memperkenalkan warisan, amalan hidup dan daya cipta

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Muat turun borang Penyertaan melalui Kod QR



- Permohonan dibukakan kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap
- Berumur antara 18 hingga 30 tahun pada 1 April 2020 dan masih bujang
- Boleh bertutur Bahasa Inggeris dengan baik
- Pemohon berkelulusan akademik GCE peringkat 'O' sekurang-kurangnya
- Permohonan dari penuntut sekolah tidak diterima
- Pemohon hendaklah masih aktif berpersatuan dalam tempoh tiga (3) tahun kebelakangan adalah salah satu kelebihan
- Pemohon dikehendaki menyertakan satu rakaman video pendek mengenalkan diri dan menunjukkan bakat dan kemahiran tidak kurang daripada 3-5 minit dengan menggunakan (VCD)pendrive
- Pemohon dikehendaki menyertakan profil diri, gambar kegiatan dan aktiviti
- Ujian bertulis akan diadakan jika perlu
- Pemohon-pemohon yang sedang bekerja mestilah mendapat kebenaran memohon daripada majikan
- Bekas peserta secara automatik menjadi Ahli SSEAYP ALUMNI (SSEAYP International Brunei Darussalam)

HUBUNGI DAN DAPATKAN BORANG PERMOHONAN DARIPADA LINK DI BAWAH
<http://bit.do/frwVw>
ATAU DARIPADA

BAHAGIAN BELIA
JABATAN BELIA DAN SUKAN
Tingkat 3, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan BC3915
Tel: 2232911 / 2380713 / 2380714 / 2381903-5, Fax: 2380042
Dan Cawangan Jabatan Belia dan Sukan di keempat-empat daerah
Laman Web: <http://belia-sukan.gov.bn> E-mail: jbsbelia@brunei.bn / 47sseayp2020@gmail.com



Dua lelaki disabitkan kesalahan Sariqah

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Februari. - Mahkamah Tinggi Syariah hari ini mensabitkan dua orang lelaki tempatan dalam kes berhubung kesalahan Sariqah (curi) di bawah Bab 55(3) (b) dari Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 yang setakat membawa hukuman Ta'zir. Kedua-dua kes disiasat oleh Balai Polis Tutong.

Pesalah pertama, Muhammad Abdull Kahar bin Haji Tuah, berumur 28 tahun disabitkan bersalah atas kesalahan mencuri lampu sensor pada 3 Februari 2020M dan dijatuhkan hukuman penjara satu bulan. Manakala pesalah kedua Denny bin Anggau, berumur 26 tahun disabitkan bersalah atas kesalahan mencuri powerbank, headlamp, speaker Sony Xplode, dan 'sadak bubuk' pada sekitar 24 Januari 2020M dan dijatuhkan hukuman penjara tiga bulan dan mahkamah juga memerintahkan barang curi dikembalikan kepada mangsa yang merupakan adik pesalah sendiri.

Kes-kes curi tersebut berlaku di sebuah rumah yang sama di STKRJ Kampung Telisai, Tutong. Kedua-dua pesalah mula menjalani hukuman daripada pesalah ditahan polis.

Di dalam menjatuhkan hukuman, mahkamah mengambil kira kepentingan awam dan perbuatan curi itu sendiri adalah salah dari sudut undang-undang dan bertentangan dengan Hukum Syara' juga pesalah kedua dan mempunyai rekod kesalahan curi sebelum ini.

Taklimat kenegaraan suntik semangat JASTRe KB



PENOLONG Pegawai Penerangan selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait semasa menyampaikan Taklimat Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (kiri), sementara gambar kanan, Ketua Cawangan JASTRe Daerah Belait (tengah) bersama para kakitangan JASTRe Kuala Belait (KB) hadir mendengarkan taklimat tersebut.

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

KUALA BELAIT, Selasa, 11 Februari. - Program Taklimat Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diunkayahkan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, merupakan salah satu usaha berterusan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara di samping mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri individu

selain cintakan raja, bendera negara dan lagu kebangsaan. Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait dan Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah menerima undangan dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) Kuala Belait (KB) untuk mendengarkan Taklimat Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan NBD. Taklimat berkenaan dihadiri

oleh Ketua Cawangan JASTRe Daerah Belait, Awang Mohammad Akmal bin Yusra bersama semua kakitangan JASTRe Kuala Belait. Antara lain taklimat telah kenegaraan itu telah menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci. Taklimat disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Dayang Hajah Liyana binti Haji Suhaili. Semasa program tersebut

pegawai dan kakitangan JASTRe berkesempatan menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan juga video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'. Pihak JASTRe turut diberi peluang untuk bertanya sebarang kemusykilan mereka melalui sesi soal jawab dan mendapat penerangan yang berupa ilmu pengetahuan baharu buat mereka. Awang Mohammad Akmal ketika ditemu bual Pelita Brunei menjelaskan bahawa menjemput Jabatan Penerangan bagi menerangkan mengenai bendera

negara dan lagu kebangsaan dihasratkan untuk menyemai serta menjiwai semangat dalam kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan cawangan JASTRe Daerah Belait, dan seterusnya memberikan pengetahuan mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dengan betul.

Tambah beliau, perkara ini sangat bersesuaian dan tidak lama lagi akan menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-36 dalam pada masa yang sama memberi persediaan awal kepada pegawai-pegawai dan kakitangan cawangan JASTRe Daerah Belait selaku rakyat dan penduduk dalam sama-sama mengibarkan bendera bermula 16 Februari 2020 ini nanti.

"Taklimat yang disampaikan sangat berfaedah dan berguna, sesetengah orang hanya mengambil sikap sambil lewa terutama dalam menaik-kibarkan bendera walhal ia satu perkara yang harus diambil kira sebagai penjawat awam agar lebih peka dan sedar akan kepentingannya," jelas beliau.

Beliau juga mengucapkan tahniah buat Jabatan Penerangan di atas usaha yang berterusan dalam menyemai semangat patriotisme dan kenegaraan dalam kalangan rakyat dan penduduk NBD.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada Penolong Pegawai Penerangan selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait sebagai tanda penghargaan.



MINDA PEMBACA

Terapkan semangat nasionalisme masyarakat

SEMANGAT nasionalisme merupakan sikap cinta kepada negara atau nasionalisme yang mendalam terhadap negara yang tercinta. Semangat nasionalisme ini semakin berkurangan terutama dalam kalangan generasi muda kita yang bakal memimpin negara pada masa hadapan. Maka, banyak tindakan yang boleh dilaksanakan untuk memastikan sikap ini terus wujud dan diamalkan oleh rakyat penduduk di negara kita.

Tindakan pertama ialah mempelajari sejarah negara di sekolah secara meluas. Pelajaran sejarah haruslah ditekankan kerana subjek ini mampu memberi rasa cinta dalam diri bermula

dari usia muda. Pemahaman tentang sejarah ini menyedarkan pelajar mengenai kepentingan memiliki sikap mencintai negara yang mendalam. Terutama sekali melawat ke tempat-tempat bersejarah sambil mengetahui cerita di sebaliknya boleh memupuk semangat nasionalisme dan rasa cinta kepada negara.

Selain itu, penduduk negara kita haruslah taat setia kepada raja dan mendukung falsafah Melayu Islam Beraja (MIB). Mengamalkan penggunaan bahasa Melayu dan meneruskan budaya boleh menguatkan identiti kita sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam. Sebagai contoh kuih tradisional, permainan

tradisional dan seni kraf tangan seperti seni tenun.

Penyertaan rakyat negara kita dalam pertandingan peringkat kebangsaan dan negara boleh menanam sikap cinta akan negara ini. Perkara ini penting ditekankan supaya rakyat kita mempunyai sesuatu perkara yang boleh mereka banggakan dan kaitkan dengan negara apabila berbicara tentang negara sendiri. Kejayaan ini boleh diperolehi melalui kejayaan melangsungkan kejohanan sukan, memenangi sesuatu anugerah atau kejohanan dalam acara keagamaan. Sesungguhnya, semua kejayaan negara memberikan satu motivasi yang tinggi kepada rakyat untuk turut mencapai kejayaan yang

serupa atau menghasilkan kejayaan yang lebih baik lagi.

Kesimpulannya, pemupukan semangat nasionalisme memang menjadi perkara penting dalam pembangunan negara sejak dahulu. Pemupukan ini penting supaya kita tidak lupa akan perjuangan yang sudah dilakukan oleh generasi terdahulu dan membiarkan pengorbanan mereka menjadi sia-sia. Mungkin kita boleh merenung dan bertanya diri sendiri, "Apa yang mampu kita sumbangkan kepada negara?"

Nama : NurFarah'Ain Ayuni binti Abu Bakar
No. K/P : 01-119778 (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Hasil Pertanian dan Perikanan Negara Penting' Tarikh Tutup : 12 Februari 2020
2. 'Wujudkan Suasana Harmoni di Tempat Kerja' Tarikh Tutup : 19 Februari 2020
3. 'Amalkan Budaya Kitar Semula' Tarikh Tutup : 26 Februari 2020

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Apa Pendapat Biskita?

Lindungi kesihatan biskita, amalkan kehidupan sihat

SEMUA orang perlu menjaga kesihatan mereka sendiri supaya mereka dalam keadaan yang sihat dalam hidup mereka. Ada banyak cara untuk memastikan kesihatan seseorang itu dalam keadaan baik. Cara yang lebih mudah ialah seseorang itu perlu menjaga kebersihan diri. Aktiviti mandi dan memakai pakaian yang bersih serta memastikan kawasan sekeliling rumah bersih merupakan langkah yang paling tepat untuk dilakukan oleh sesiapa sahaja.

Selain itu, pemakanan yang seimbang amat penting terutama makanan yang berat. Makanan segera perlulah dijumpai tetapi air hendaklah diambil dalam kuantiti yang banyak dalam sehari untuk menjamin kesihatan yang baik. Malahan aktiviti bersenam juga mampu mengekalkan kadar kesihatan yang baik. Senaman memastikan peluh dikeluarkan bersama-sama toksik badan yang mampu memberikan seseorang itu tahap imunisasi yang tinggi terhadap sebarang serangan penyakit.

Apa Pendapat Biskita pada keluaran kali ini cuba mendapatkan beberapa pandangan orang ramai mengenai dengan penjagaan diri dari pelbagai jenis penyakit yang menular dan berbahaya.

"Kesihatan diri amat penting dalam menjamin kesejahteraan hidup. Oleh itu, kita perlu mengutamakan kesihatan diri dengan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan kesihatan kita sentiasa baik. Antara cara untuk mengekalkan kesihatan diri adalah dengan bersenam kerana dengan bersenam itu ia dapat menguatkan otot jantung, melancarkan peredaran darah serta mencergaskan badan. Kita juga boleh berjoging atau bersukan sebagai satu daripada kaedah bersenam. Kebersihan juga penting dalam menjaga kesihatan diri. Kita perlu sentiasa membersihkan badan, contohnya dengan mandi, menggosok gigi dan bersyampu. Hal ini dapat menjauhkan kuman yang menjadi punca pelbagai penyakit". - **Awang Alifnoor Shukri, BSB.**

"Fenomena penyakit berjangkit yang kian hangat kita perengarkan pada ketika ini dan setiap hari dipaparkan di media cetak, media elektronik dan sebagainya semakin meresahkan semua warga dunia termasuk di negara kita sendiri. Apakah punca berlakunya penyakit-penyakit sedemikian dan juga penyakit-penyakit lainnya, mungkin antaranya berlaku perkara itu disebabkan oleh masyarakat kini kurang mengambil berat terhadap amalan gaya hidup yang sihat. Jadi, masyarakat akan mudah untuk dijangkiti penyakit terutamanya penyakit berjangkit yang semakin menular kebelakangan ini.

Oleh itu, tindakan segera perlu diambil oleh masyarakat untuk mengelakkan masyarakat daripada dijangkiti penyakit berjangkit. Terdapat pelbagai punca yang menyebabkan penyakit berjangkit berlaku. Kurang kesedaran daripada anggota masyarakat telah menyebabkan berlakunya penularan fenomena ini. Anggota masyarakat pada masa ini terlalu mengejar kemewahan dengan mengumpul harta dunia sehingga kurang mengambil tahu terhadap isu semasa pada masa ini. Masyarakat jenis ini terlalu mementingkan diri mereka sendiri serta hidup di dalam dunianya sendiri. Kebanyakan daripada mereka ini tidak mengetahui isu semasa yang berkaitan dengan Coronavirus dan juga H1N1 yang mementingkan penjagaan kebersihan diri dan mengelakkan mereka daripada pergi ke luar negara untuk mengelakkan diri mereka daripada dijangkiti oleh virus tersebut. Namun begitu, segelintir daripada mereka terlalu mementingkan diri sendiri sehingga melanggar larangan tersebut. Apabila sudah dijangkiti barulah mereka hendak menyesal, tetapi perkara itu sudah terlambat.

Anggota masyarakat juga kurang menjaga kebersihan diri, pemakanan yang sepatutnya dan juga persekitaran. Hal itu akan menyebabkan seseorang itu mudah untuk dijangkiti oleh penyakit berjangkit ini. Dengan persekitaran yang kotor, makanan yang tidak sepatutnya dijadikan bahan makanan seseorang akan mudah dijangkiti oleh penyakit berjangkit ini. Banyak punca yang menyebabkan masalah tersebut berlaku dan penularan wabak penyakit berjangkit disebabkan oleh kurangnya amalan gaya hidup yang sihat oleh anggota masyarakat. Jadi, langkah yang proaktif perlulah diambil oleh pihak kerajaan dan bukan kerajaan dengan cara yang lebih efektif. Sekiranya langkah yang berkesan tidak diambil, nescaya masyarakat akan menjadi mangsa kepada ancaman penyakit berjangkit ini. Tentulah kita tidak mahu perkara tersebut berlaku kerana banyak kesan buruknya. Oleh itu, kita perlulah bersiap sedia untuk mencegah penyakit tersebut demi kesihatan dan kesejahteraan rakyat negara ini". - **Hajah Norsahirah binti Haji Mohd Damit, Kulap.**

"Penjagaan kebersihan diri dan persekitaran adalah penting bagi pencegahan penyakit berjangkit. Langkah-langkah pencegahan seperti sentiasa mengekalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti amalan kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun, basuh tangan sebelum makan dan selepas ke tandas, minum air yang telah dimasak atau air yang telah dibotolkan dan elak minum air yang tidak dimasak. Memandangkan kini dunia dikejutkan dengan satu penyakit yang telah mengancam banyak nyawa iaitu Coronavirus yang amat berbahaya, adalah penting supaya semua pihak mengambil langkah berjaga-jaga supaya diri mereka tidak dijangkiti dengan penyakit berjangkit terbahit serta menjadi pembawa kepada penyakit berjangkit berkenaan kepada orang lain.

Memandangkan penyakit berjangkit ini boleh tersebar dengan mudah dalam kalangan manusia, pihak kerajaan perlu mengambil langkah berani dengan menghentikan buat sementara waktu kemasukan warga negara dari negara yang terjejas teruk dengan virus penyakit berjangkit berkenaan seperti negara China. Selain itu, pihak kerajaan, setiap individu perlu memainkan peranan mereka juga. Setiap individu perlu mengambil segala langkah yang perlu bagi memastikan diri mereka tidak menjadi mangsa kepada penyakit berjangkit berkenaan dengan memberikan keutamaan kepada aspek kesihatan diri masing-masing. Selain itu, setiap individu juga perlu mengelakkan diri mereka daripada terdedah dengan risiko kepada penyakit berjangkit yang sedang menular pada masa kini dengan mengamalkan aspek kebersihan diri mereka pada tahap optimum.

Beberapa langkah yang boleh diamalkan agar tidak terkena dengan virus ini adalah dengan kerap membasuh tangan dengan sabun dan air, elakkan menyentuh mata, hidung atau mulut dengan tangan yang kotor (tidak berbasuh), elakkan diri daripada dekat dengan mereka yang sedang sakit, jika diri didapati tidak sihat, duduk di rumah sahaja, tutup mulut menggunakan tisu atau tuala kecil ketika batuk atau bersin, kemudian buang tisu tersebut ke dalam tong sampah dan basuh tangan, gunakan penutup mulut ketika berada di khalayak orang ramai orang dan lain-lain lagi". - **Adi Shah Md. HRM, Gadong.**

Kesimpulannya, pada pandangan saya sebagai penulis dalam ruangan ini, menjaga kesihatan merupakan satu tanggungjawab yang harus dilaksanakan dengan penuh amanah. Kesihatan yang baik bukan sahaja menjimatkan kos perubatan seseorang itu tetapi memberikan satu kehidupan yang penuh ceria kepada diri dan keluarga. Semua lapisan dalam masyarakat kita perlu sentiasa didedahkan dengan keadaan terkini terhadap isu penyakit berjangkit serta diberi pendidikan yang secukupnya bagi menghadapi masalah penyakit berjangkit yang sedang dialami di serata dunia pada masa kini.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn
i. Berhati-hati dan Waspada Musim Kemarau
ii. Semai Semangat Kemerdekaan



Kenali Bahasa Brunei

kalap-kalap bermaksud kelap-kelip tentang mata, lampu, dan lain-lain.

Contoh pemakaian kata : Marup, lampung kamu di luar rumah atu **kalap-kalap**, cubatah diusai ani paning matangku.

pagam-pagam bermaksud berada di suatu tempat lama-lama.

Contoh pemakaian kata : Dang, bahapa kau **pagam-pagam** di rumah urang subalah atu, inda pandai kan mulih kau ani.

pakal ganya atau **pakal saja** bermaksud berasa kesal atau kecewa terhadap sesuatu perkara, hajat, dan sebagainya yang tidak dapat dicapai.

Contoh pemakaian kata : **pakal saja** kadiaku ani inda bausin, mun inda ku bali tia rumah ah.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG SENUKOH



Foto : Haji Ariffin Mohd Noor / Morshidi

BUBUR SI BUJANG

BAHAN-BAHANNYA :

500g tepung pulut
1 liter santan
1 sudu gula
1/2 gelas susu segar
1 helai daun pandan
Pewarna hijau

CARA MEMBUATNYA :

Tepung pulut digaul dengan sedikit air dan pewarna hijau hingga menjadi doh. Masak air hingga mendidih. Bentuk doh menjadi bulatan dan masukkan ke dalam air yang

mendidih. Tunggu hingga doh tersebut timbul, diangkat dan simpan di dalam bekas.

Air santan, gula dan daun pandan dimasak hingga mendidih, masukkan susu segar dan doh pulut yang masak tadi. Biarkan seketika dan tutup api.

Penulisan berperanan menyampaikan idea pelbagai isu

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Februari. - Majalah merupakan wadah penulisan yang berperanan untuk menyampaikan idea penulisan dalam pelbagai isu semasa dan disampaikan dalam bentuk penulisan yang bersifat sama ada ilmiah, popular

atau mana-mana gabungan antaranya.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menganjurkan Bengkel Kritikal Sastera yang berlangsung di Balai Sarmayuda selama tiga hari bermula hari ini hingga 12

Februari 2020.

Bengkel ini bertujuan untuk mengasuh penulis muda untuk berjinak-jinak dalam penulisan terutama dalam kritikal sastera dan mencari penulis muda yang berpotensi dalam penulisan kritikal sastera untuk mengisi dan menyambung penulisan khusus dalam majalah Bahana.

Terdahulu, Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji

Abdul Wahab dalam ucapannya menjelaskan bahawa penulisan kritikan merupakan karya yang memaparkan pengamatan, penilaian kritis terhadap sesuatu karya yang dapat menjadi sandaran serta pegangan penulis untuk menghasilkan karya yang lebih baik dan indah.

Menurutnya, seorang pengkritik mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menilai buruk baiknya

atau menilai mutu sesebuah karya dengan kaedah yang lebih tepat bersandarkan kepada pendekatan atau teori-teori tertentu.

Di sini peserta berpeluang untuk memantapkan pengetahuan khusus dalam dunia penulisan kritikal sastera dengan adanya dua orang pembimbing dan tunjuk ajar daripada Dr. Haji Ramlee bin Haji Tingkong dan Dr. Maslin bin Haji Jukim.



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ketika berucap (kiri). Sementara gambar kanan, para peserta Bengkel Kritikal Sastera anjuran DBP bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah DBP dan pembimbing-pembimbing bengkel.

Tip
KESIHATAN

CORONAVIRUS (MIRUS 2019-NCOV)

APA YANG AWDA PERLU TAHU?

“Saya baharu pulang dari kawasan yang terjejas dan merasa tidak sihat, apa yang patut saya buat?”

APAKAH TANDA-TANDA BIASA :

- Demam
- Kesukaran untuk bernafas
- Demam
- Cirit-birit (gejala saluran cerna – perut dan juga usus)

KES-KES YANG TERUK BOLEH MENYEBABKAN :

- Jangkitan paru-paru yang teruk
- Dirawat dalam penjagaan intensif
- Kegagalan organ
- Kematian

Amaran

Coronavirus berpotensi untuk menyebabkan kematian dan pada ketika ini, belum ada vaksin untuk menentangnya. Sila rujuk pakar kesihatan awda jika bimbang tentang simptom yang dialami.

Sumber : Kementerian Kesihatan, Maklumat lanjut sila hubungi 123

DI-TERBITKAN
DUA KALI
SA-BULAN

PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI
KERAJAAN
NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 5. BIL. 3

BANDAR BRUNEI, RABU, 3 FEBRUARY, 1960 (6 Sha'aban, 1379)

PERCHUMA

D. Y. M. M. BERANGKAT KA-MALAYA

Akan hadir dalam istiadat kemahkotaan Sultan Johor

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia ada-lah di-jadualkan berangkat ka-Malaya dalam minggu hadapan kerana menghadhiri istiadat kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Sir Ismail dan Duli Yang Maha Mulia Sultanah Johor, Ungku Tun Aminah.

Baginda di-jangka akan berada di-Johor Baharu, ibu kota Negeri Johor, sa-lama dua hari dan akan berangkat balek ka-Brunei dengan kapal terbang sa-lepas istiadat kemahkotaan itu selesai.

Baginda akan di-iringi oleh juruiring, Yang Amat Mulia Pengiran Haji Ismail dan Setiausaha Sulit, Dato Paduka Mohamed Abbas.

Persediaan2 sedang di-jalankan di-Negeri Johor untuk menyambut hari kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sir Ismail dan Sultanah Johor, Ungku Tun Aminah.

Kerajaan Negeri telah menguntokkan wang sa-banyak \$150,000 kerana perayaan ini yang di-jangka akan tamat pada hujung bulan February.

Bagi julong2 kali-nya istiadat kemahkotaan ini akan di-telivision

ROMBONGAN HAJI DARI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Rombongan haji yang pertama dari Bandar Brunei bagi tahun ini ada-lah di-jadualkan berlepas ka-Labuan pada pagi 8 February dari tambatan Kastam Brunei.

Dari Labuan mereka itu akan menaiki kapal Marudu ka-Singapura.

Rombongan pertama itu mengandungi 11 orang laki2 dan perempuan.

Semua-nya 42 orang laki2 dan perempuan telah mendaftarkan nama untuk menunaikan fardu haji tahun ini.

Tarikh pelayaran bakal2 haji yang lain itu akan di-umumkan kelak.

Dalam tahun lepas lebeh 120 orang Islam Brunei telah menunaikan fardu haji. Mereka itu berlayar ka-Jedah dalam tiga rombongan.

dari Istana Besar, ia-itu tempat kemahkotaan di-langsungkan.

Hanya Raja2 Melayu dari Negeri2 Persekutuan dan Brunei, ahli2 diplomat dan keluarga Diraja sahaja akan menyaksikan istiadat kemahkotaan tersebut.

Istiadat kemahkotaan yang ak-



D. Y. M. M.

hir sa-kali di-Johor telah di-langsungkan dalam bulan November, 1895, apabila Almerhum Sultan Ibrahim di-mahkotakan.

2 PEGAWAI SHELL MATI LEMAS DI-SUNGAI BARAM, SARAWAK

KUALA BELAIT. — Dua orang pegawai pengorek minyak Sarawak Shell telah mati lemas di-Sungai Baram baharu2 ini. Mayat mereka telah di-bawa ka-Kuala Belait dan di-kebumikan.

Pegawai2 yang malang itu ia-lah Tuan A. L. Drysdale berumur 29 tahun dan Tuan J.S. Miles berumur 27 tahun.

Satu siaran akhbar sharikat minyak Brunei Shell berkata bahawa Tuan Drysdale telah jatuh ka-dalam sungai dari sa-buah kapal L.C.T. yang di-gunakan sa-bagai rumah-nya dekat tempat mengorek.

Tuan Miles di-perchayai telah

mati lemas ketika menolong menchari Tuan Drysdale.

Siaran itu berkata lagi bahawa Tuan Drysdale ia-lah sa-orang yang pandai berenang tetapi Tuan Miles di-ketahui tidak pandai berenang.

Hakim Besar baharu mengadap Duli Yang Maha Mulia

BANDAR BRUNEI. — Hakim Besar baharu bagi kawasan2 British Borneo, Sir John Ainley, telah sampai di-Brunei pada hari Ahad lepas dari Kuching.

Sir John telah di-sambut di-lapangan terbang oleh Pesuruh Jaya Polis Brunei, Tuan A. N. Outram.

Pada hari Ithnin beliau telah mengadap Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana.

Satu barisan kehormatan telah di-adakan oleh satu pasukan Polis Brunei di-hadapan bangunan Pejabat2 Kerajaan di-Bandar Brunei pada pagi itu.

Sir John telah di-lantek menggantikan Hakim Besar, Sir

Ernest Williams yang telah bersara itu.

Sa-belum datang ka-Borneo Sir John telah berkhidmat di-Uganda dan Nigeria sa-bagai hakim besar bagi kawasan timor negeri itu.

Sir John akan terbang ka-Jesselton hari ini dan sa-lepas itu balek ka-Kuching.

Peratoran memakai tiang bendera2

BANDAR BRUNEI. — Majlis Adat Istiadat Brunei telah mengambil keputusan baharu2 ini berkenaan dengan memakai tiang bendera2 di-kereta.

Keputusan itu ada-lah saperti berikut.

Bendera Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri di-tempatkan di-atap di-tengah2 sa-belah charok.

Bendera Yang Terutama Tuan Pesuruh Jaya Tinggi di-tengah2 sa-belah charok atas bonnet. Demikian juga bendera2 Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Yang Amat Mulia Cheteria2.

Pelin2 dan orang2 lain di-tetapkan bendera-nya di-mudguard di-sabelah kiri.

PERTUNJOKAN KEBOLEHAN CARIBOU

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah kapal terbang penumpang dua jentera jenis Caribou buatan Canada telah sampai di-lapangan terbang Berakas pada hari Sabtu lepas untuk menunjokkan kebolehan-nya.

Beberapa orang ketua2 pejabat, saudagar2 dan pembesar negeri telah di-undang oleh wakil sharikat Havilland Aircraft di-sini menaiki kapal terbang tersebut.

Kapal terbang itu di-bena untuk membawa 32 orang penumpang.

Ia-nya di-katakan baik untuk di-gunakan di-kawasan2 yang belum mempunyai lapangan2 terbang yang tidak panjang pelanchar-nya.

Kapal terbang Caribou itu boleh membawa muatan sa-banyak 6,000 paun sa-jauh 600 batu dan 7,300 paun sa-jauh 200 batu.

Lajak penerbangan biasa-nya ia-lah 180 batu dalam satu jam.

Didik belia mesra rumah Allah



Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim
Foto : Jabatan Penerangan

GOLONGAN belia sering kali dikaitkan dengan peranan mereka ke arah kelangungan sesebuah negara. Bagi konteks Negara Brunei Darussalam, golongan belia bukan sahaja memainkan peranan selaku pemimpin masa depan, malahan golongan yang menjadi harapan bangsa ini juga berperanan dalam menegakkan syiar Islam dengan menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran. Amalan tersebut boleh menjadi benteng untuk menangkis segala gejala buruk daripada merosakkan jiwa dan meracuni minda yang akibatnya nanti merosakkan belia dan masa depan negara.

Salah sebuah agensi kerajaan memainkan peranan penting dan bertanggungjawab dalam memeduli para belia di negara ini adalah Jabatan Belia dan Sukan, (JBS) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pemedulian ini mengandungi semua aspek termasuk dari sudut sama ada keagamaan melalui mentaliti mahupun sikap belia.

Dalam hal ini, JBS telah menganjurkan Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah Di Masjid Bagi Tahun 1440H / 2019M yang dikenali dengan Wira Fajar. Program dua bulan sekali itu diadakan di masjid-masjid Daerah

Brunei dan Muara yang dikenal pasti yang mana program telah bermula pada 15 Februari 2019, dengan memberikan tumpuan pada Masjid Ash-Shaliheen, Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan.

Aktiviti Wira Fajar

Semasa program tersebut para belia yang terlibat akan menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah dan diikuti dengan mendengarkan ceramah keagamaan semasa Kuliah Subuh. Penceramah undangan juga akan menampilkan penceramah daripada golongan belia program juga diselitkan dengan Tazkirah Subuh, membaca Surah Al-Kahfi dan Solat Doha.

Objektif

Diadakan pada hari Jumaat, minggu kedua, program menyasarkan penyertaan 300 belia ini antara lain mempunyai objektif untuk mendidik diri para belia agar istiqamah dalam mengerjakan sembahyang berjemaah di masjid. Program juga memberikan pendedahan kepada para belia dengan mengisi aktiviti yang bermanfaat terutama sekali dalam mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan di masjid-masjid.

Penutup

Penganjuran program yang dibukakan kepada belia-belia masjid, kelab-kelab belia, persatuan dan pergerakan belia di Negara Brunei Darussalam dan orang-orang ramai ini sememangnya satu usaha yang harus diberikan sokongan

atas pemedulian JBS khususnya Bahagian Belia terhadap golongan belia di negara ini. Apa yang diharapkan belia-belia terlibat akan mengaplikasikan ilmu pengetahuan yang diperoleh sepanjang mengikuti program berkenaan dan seterusnya memainkan peranan masing-masing dalam menegakkan syiar Islam dengan menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran. Dengan didikan dan bimbingan melalui jalan yang betul diharap golongan belia ini akan menjadi manusia generasi berilmu, beriman, beramal, bertakwa dan berakhlak mulia kerana dengan demikian akan dapat melahirkan belia yang menjadi sumber tenaga yang mampu menyumbangkan ke arah pembangunan dan kemajuan negara.



145 kompaun dikeluarkan sepanjang Januari 2020

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Februari. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) dalam usahanya bagi meningkatkan lagi keselamatan dan kesejahteraan para pengguna jalan raya, meneruskan operasi penguatkuasaan peraturan dan undang-undang lalu lintas jalan raya dengan melaksanakan rondaan-rondaan, pemantauan dan penahanan pemandu-pemandu kenderaan persendirian, kenderaan pengangkutan awam, kenderaan barangan, dan kenderaan berat. Operasi tersebut dikendalikan secara bersepadu bersama Jabatan

Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Setakat bulan Januari 2020 sahaja, sejumlah 145 kompaun dikeluarkan kepada 99 pemandu. 100 kompaun kesalahan dikenakan kepada 66 pemandu kenderaan berat dan komersil; dan 45 kompaun kepada 33 pemandu kenderaan persendirian. Berikut adalah jenis-jenis kesalahan yang dilakukan :

1. Senarai Kesalahan Melibatkan Kenderaan Persendirian.
2. Senarai Nama-nama Pemandu dan Syarikat Atas Kesalahan

Kenderaan Berat dan Komersial.

JPD ingin memaklumkan bahawa mana-mana pemandu kenderaan bermotor yang tidak mematuhi Peraturan 161, Peraturan Lalulintas Jalan Raya Penggal 68, iaitu kenderaan yang membawa lebih muatan boleh dikenakan kompaun :

Kesalahan Pertama : Lima Puluh Ringgit (BND50).

Kesalahan Kedua : Satu Ratus Lima Puluh Ringgit (BND150).

Kesalahan Ketiga : Tiga Ratus Ringgit (BND300).

Kesalahan Keempat : Lima Ratus Ringgit (BND500).

Kesalahan Seterusnya : Pemandu boleh dihadapkan ke mahkamah.

Dalam kesempatan ini,

JPD mengingatkan kepada pemilik-pemilik syarikat kenderaan komersial, pengangkutan awam dan barangan supaya memastikan pemandu-pemandu di bawah syarikat masing-masing sentiasa mematuhi akta dan peraturan lalu lintas jalan raya bagi menjamin keselamatan, kesejahteraan dan keselamatan semua pengguna jalan raya di negara ini.

JPD juga mengalu-alukan orang ramai untuk mengongsikan sebarang aduan berhubung kesalahan lalu lintas jalan raya dengan menghubungi Talian Darussalam 123 atau melalui Aplikasi WhatsApp Talian Darussalam +673 8333123 atau melayari laman sesawang Talian Darussalam www.123.gov.bn dengan menyertakan gambar mengenai kenderaan terbabit.

1. Senarai Kesalahan Melibatkan Kenderaan Persendirian

Jenis kesalahan	Akta dan Peraturan	Bilangan Kesalahan
Kenderaan yang tidak mematuhi akta dan peraturan lalu lintas jalan raya / kenderaan yang diubahsuai	Peraturan 3	8
Kegagalan pemandu memakai tali pinggang keledar atau kegagalan pemandu memastikan penumpang di tempat duduk hadapan memakai tali pinggang keledar	Peraturan 8 (1)	2
Kenderaan yang dipasang dengan cermin atau plastik gelap atau tirai yang tidak ada kebenaran semasa kenderaan dipandu di jalan raya	Peraturan 18	2
Memandu kenderaan yang tidak layak dari keselamatannya	Peraturan 26	20
Muatan jatuh dari kenderaan yang boleh membahayakan pengguna jalan raya yang lain	Peraturan 27	1
Kenderaan yang tidak sesuai dari segi struktur digunakan bagi tujuan lain dan boleh menyebabkan bahaya kepada pengguna jalan raya	Peraturan 28	2
Memandu kenderaan dengan tayar botak / nampak benang	Peraturan 31	5
Ekzos mengeluarkan bunyi yang bisung	Peraturan 33	3
Memasang lampu warna lain selain warna putih di depan kenderaan	Peraturan 109	2

2. Senarai Nama-nama Pemandu dan Syarikat Atas Kesalahan Kenderaan Berat dan Komersil

No. Pendaftaran Kenderaan	Nama Pemandu	Nama Syarikat	Kompaun Dikenakan
AA1670	MUSLIH (51-449179)	SYKT HI MOHD IDRIS BIN HI MD SAID	\$ 50
BAC6364	VUJAYAKUMAR RETHINAM (51-322212)	SITTHI TRADING SDN BHD	\$ 50
BAP4563	TAKIM (51-387174)	X'CEL GOOD LINK SERVICES	\$ 50
BAH8439	SAWON (51-174071)	SYARIKAT WATIOAH AHZA	\$300
KL2830	MAT DAUD BIN SITIN (50-680907)	D.S.H.A TRADING	\$300
BA59857	SATIYO (51-170355)	SYKT Q STONE SDN BHD	\$ 50
BAE3188	TARMUJI (51-192700)	TIAN TENG FORWARDING SDN BHD	\$150
BM5190	GURPREET SINGH RANDHAWA (51-468137)	SYKT DYG SIAH DAN ANAK-ANAK	\$ 50
BAR6978	MD NOOR HAFIZUDDIN BIN AWG ROSLAN (01-062329)	READYMIX CONCRETE (B) SDN BHD	\$500
BAR9158	TENTREM ANTOKO (51-414696)	MANRIA SDN BHD	\$300
BAE9475	HADI NURSALAM (51-256155)	FOUNDATION CONTRACTOR AND ENGINEERING	\$300
BAG4327	MD RIDWAN SAHSUKIRNO (51-424693)	RBD ENTERPRISE	\$300
BAC8566	JAMES BIN RINING (50-990607)	SYARIKAT WATIOAH AHZA	\$ 50
BP4192	TRI WALUYA NUGRAHA (51-050610)	SYARIKAT PEMBORONG DEYAN	\$ 50
BAF8868	DONI HERU PRASETIO 51-340198	TIAN TENG FORWARDING SDN BHD	\$ 50
BA89270	ANAS YUSUF (51-019251)	SYARIKAT AMPUAN HJ SALLEH BIN AMP.HJ JUDAH & ANAK2	\$ 500
BAE4354	SUGENG WIDODO (51-047378)	READYMIX CONCRETE (B) SDN BHD	\$ 500
BA89270	ANAS YUSUF (51-019251)	SYARIKAT AMPUAN HJ SALLEH BIN AMP.HJ JUDAH & ANAK2	\$ 500
BAW8917	ARIF BASUKI (50-967496)	READYMIX CONCRETE (B) SDN BHD	\$ 50
BAH8439	SAWON (51-174071)	SYARIKAT WATIOAH AHZA	\$ 500

JIS kumpul dana bantu kanak-kanak istimewa

JERUDONG, Isnin, 10 Februari. - Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) sentiasa memberi sokongan kepada beberapa badan amal di negara ini.

Tahun lalu, Sekolah Rendah JIS berjaya mengumpul lebih dari BND9,000 pada minggu pengumpulan dana tahunan mereka. Wang tersebut akan digunakan untuk keperluan kanak-kanak istimewa di negara ini, selepas berunding dengan Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan.

Sekolah Rendah JIS memberikan kanak-kanak dengan peralatan khas untuk membantu mereka meningkatkan pembelajaran dan mobiliti mereka.

Menurut Ketua Bahagian Sekolah Rendah (Head of Junior School), Paul Bannister, minggu pengumpulan dana tahunan tersebut menyediakan peluang yang baik untuk murid-murid terus aktif memberi sumbangan kepada masyarakat Brunei yang lebih luas.

Murid-murid Sekolah Rendah JIS bersemangat untuk menyertai aktiviti yang diadakan sepanjang minggu kerana ia merupakan salah satu acara yang paling dinanti-nantikan dalam kalendar akademik Sekolah Rendah JIS. Salah satu aktiviti yang menyeronokkan adalah 'Dolar for

a Job', di mana murid-murid menyimpan buku catatan mereka sendiri untuk memastikan mereka mengetahui pekerjaan-pekerjaan yang telah dilakukan untuk membantu di sekitar rumah.

Aktiviti lain termasuk 'Guess the Number of Stationery Pieces in a Jar', 'Wet Sponge a Teacher', 'Bake Sale', 'Drop Coin', 'Launch a Teddy' dan 'Peculiar and Crazy Dress Up Day'.

Setiap tahun, Jualan Bake Sale diuruskan oleh pelajar Tahun 6 dari Majlis Junior School, iaitu menjual makanan pada waktu rehat.

'Launch a Teddy' adalah salah satu cabaran yang menyeronokkan, di mana pelajar menyumbang sebanyak BND2 untuk menyertai cabaran membentuk payung terjun yang terbaik untuk menjaga *teddy bear* di ruang udara untuk masa yang paling lama. Manakala 'Wet Sponge a Teacher' adalah salah satu aktiviti, di mana para guru secara sukarela disiram oleh para pelajar.

10 pelajar dari Sekolah Rendah Rimba 2 dijemput untuk menyertai aktiviti dalam Minggu

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong

Pengumpulan Dana, terutamanya 'Launch a Teddy'. Ini adalah inisiatif baharu yang dibuat oleh Majlis Junior JIS, mengalu-alukan pelajar berkeperluan khas ke JIS dan sama-sama menyertai aktiviti-aktiviti yang diadakan.

Paul Bannister berkata, melihat perbezaan yang dapat mereka lakukan untuk membantu kanak-kanak lain dalam mengatasi

cabaran dalam pendidikan mereka bagi benar-benar membantu para pelajar memahami manfaat memberi kepada orang lain.

Kami berusaha untuk mencapai tahap akademik yang tinggi dan mengharumkan nama sekolah dengan melahirkan pelajar dengan nilai-nilai dan moral yang positif yang akan memberi faedah positif kepada masyarakat pada masa akan datang.



ANTARA aktiviti yang diadakan semasa Minggu Pengumpulan Dana JIS (kiri dan kanan).

Sukan

INFO SUKAN

RIADAH Berbasikal dan Riadah Berjalan Kaki anjuran Jabatan Perdana Menteri (JPM) diharap akan menerajui dan memberikan contoh teladan kepimpinan kepada Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang lain untuk membudayakan amalan hidup sihat dengan beriadah. Acara tersebut berlangsung di kawasan Bangunan JPM pada 9 Februari 2020.



ePaper Pelita Brunei

DPMIM FC meterai kontrak bersama pemain, penaja



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir menyaksikan Majlis Penandatanganan Kontrak Kelab Bola Sepak DPMM bersama pemain-pemain dan penaja-penaja bagi Kejohanan Bola Sepak SPL 2020 yang berlangsung di Hotel Centrepoint, Gadong.

GADONG, Selasa, 11 Februari. - Pada tahun ini Kelab Bola Sepak DPMM (DPMM FC) membuat persediaan dengan membentuk skuad terbaik yang menggabungkan beberapa pemain baharu dan sedia ada, termasuk pemain-pemain import bagi menggalas tugas untuk mempertahankan kejuaraan Liga Premier Singapura (SPL) pada musim ini.

Sehubungan itu, satu Majlis Penandatanganan Kontrak Kelab Bola Sepak DPMM bersama Pemain-pemain dan Penaja-penaja bagi Kejohanan Bola Sepak SPL 2020, diadakan bertempat di Hotel Centrepoint, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan majlis penandatanganan tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri

Paduka Haji Abidin.

Acara terdahulunya dimulakan dengan tayangan Klip Video Perlawanan DPMM FC dalam SPL pada musim lalu.

Sejurus itu, majlis penandatanganan membuka tirainya dengan memulakan Penandatanganan Kontrak Pemain di antara DPMM FC bersama 22 pemain kelab bola sepak tersebut, di mana DPMM FC diwakili oleh Pengurus Am Kelab, Awang Mohamad Ali bin Haji Momin dan Pegawai Kewangan, Awang Md. Kamarul Ariffin bin Haji Arpan.

Ini kemudian diikuti dengan Penandatanganan Kontrak Penaja, di antara DPMM FC bersama penaja-penaja.

Pada majlis penandatanganan tersebut, DPMM FC diwakili oleh Pengurus Am kelab berkenaan, Awang Mohamad Ali bersama Pengurus Pemasaran, Awang Haji Momin bin Haji Md. Ja'afar.

Sementara itu, pihak penaja tahun ini adalah terdiri daripada Mitsubishi Corporation; Brunei Shell Marketing Co. Sdn. Bhd.; Datastream Digital Sdn. Bhd.; Baiduri Bank Berhad; Royal Brunei Airlines Sdn. Bhd.; Hui Huang Enterprise (Brunei); Hertz; Nazmi Textile Mall; Borneo Genomics Innovation Sdn. Bhd.; Maju Motors Sdn. Bhd.; Sports Partnership Pte. Ltd. (Lotto); dan Kingsley Medical Supplies Sdn. Bhd. (Starbalm), diwakili oleh Pengurus-pengurus atau pegawai-pegawai tinggi syarikat masing-masing.

Juga berlangsung Majlis Penandatanganan Memorandum (MoU) di antara DPMM FC bersama Penerbit Rasmi Brunei DPMM FC Match Day Magazine 2020, iaitu Syarikat AKK Design.

Pada majlis itu juga, tetamu kehormat,

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut menyempurnakan Penyampaian Cenderamata daripada DPMM FC kepada para penaja, seterusnya menerima cenderamata daripada pihak DPMM FC, disampaikan oleh Pengurus Am Kelab, Awang Mohamad Ali.

Atur cara turut diselenggarakan dengan Majlis Pelancaran Jersi DPMM FC Musim 2020, iaitu Home and Away Jersey.

DPMM FC akan memulakan kempen musim ini menentang Tampines Rovers dalam perlawanan Community Shield 2020 pada 22 Februari.

Kemudian DPMM FC akan memulakan kempen mempertahankan kejuaraan SPL menentang Home United, di Bishan Stadium, Republik Singapura pada 29 Februari.

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut menyempurnakan Penyampaian Cenderamata daripada DPMM FC kepada penaja (kiri), Sementara gambar kanan, Jersi DPMM FC Musim 2020, iaitu Home and Away jersey.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'2019 - nCoV : AMALKAN KESIHATAN YANG BAIK SETIAP MASA'

دتر بیتکن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتقن اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam